


Jilid I
Bil. 54



Hari Khamis
30hb Oktober, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Rayuan Ulang Bicara Y.B. Tuan Fan Yew Teng [Ruangan 6217]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6218]**

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Syarikat Koperatif (Pindaan dan Perluasan)
[Ruangan 6237]**

**Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri [Ruangan
6267]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 30hb Oktober, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

„ **Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., S.I.M.P. (Sri Gading).**

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).**

„ **Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).**

„ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).**

„ **Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).**

„ **Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**

„ **Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).**

„ **Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).**

„ **Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).**

„ **Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).**

„ **Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).**

„ **Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

„ **Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).**

„ **Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).**

„ **Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).**

„ **Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).**

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).
- „ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

- Yang Berhormat TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

- Yang Berhormat DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

YANG TIDAK HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar,
TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

RAYUAN ULANGBICARA Y.B. TUAN FAN YEW TENG

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu sepucuk surat telah diterima daripada Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi bertarikh 29hb Ogos, 1975 berhubung dengan Yang Berhormat Tuan Fan Yew Teng yang berbunyi seperti berikut:

“Rojok kepada Surat Datuk, Par. (Sulit) 152 bertarikh 27hb Ogos, 1975, sukacita dimaklumkan bahawa rayuan ulangbicara Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng telah ditolak oleh Mahkamah Persekutuan yang terdiri daripada Yang Amat Arif Tun Mohamed Suffian, Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Arif Tan Sri Lee Hun Hoe, Hakim Besar Borneo dan Yang Arif Tan Sri Wan Sulaiman, Hakim Persekutuan pada 16hb Jun, 1975. Keputusan sebulat-suara Mahkamah telah disampaikan oleh Yang Arif Tan Sri Lee Hun Hoe, Hakim Besar Borneo. (Satu salinan keputusan Mahkamah dikembalikan).

Untuk makluman Datuk, seterusnya Tetuan Karpal Singh, Wong & Co., Peguambela kepada Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng telah menulis kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan pada 9hb Ogos, 1975, memohon salinan-salinan sah catitan-catitan perbicaraan untuk membolehkan beliau membuat permohonan untuk mendapat kebenaran khas (special leave) untuk merayu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Privy Council).

Catitan-catitan perbicaraan itu sedang disediakan dan akan diberi kepada Peguambela tersebut dalam sedikit masa lagi.

Memandang kepada surat Peguambela tersebut nampaknya, setakat ini Yang Berhormat Encik Fan Yew Teng adalah berniat untuk membuat rayuan ulangbicara

kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Privy Council).

Saya yang menurut perintah

t.t.

(Abdul Hamid bin Haji Mohamed),
Timbalan Pendaftar”

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN CUKAI JUALAN

1. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan samada Kerajaan akan menimbang menghapuskan Cukai Jualan 5% atau sekurang-kurangnya menurunkan Kadar Cukai tersebut memandang kesan-kesan inflasi terhadap rakyat.

Menteri Kewangan (Datuk Hussein bin Datuk Onn): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, cukai jualan adalah satu sumber hasil yang besar kepada Kerajaan. Kutipan hasil daripada cukai ini bagi tahun 1974 ialah berjumlah sebanyak \$297.3 juta dan bagi tahun 1975 dianggarkan sebanyak \$270 juta. Oleh kerana negara berkehendakkan hasil untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaannya yang sering meningkat, Kerajaan tidak bercadang hendak menghapuskan cukai itu ataupun mengurangkannya. Pada pandangan Kerajaan, jika sekalipun cukai itu dihapus ataupun dikurangkan, tidaklah bermakna bahawa faedah yang mungkin didapati daripadanya itu dapat disalurkan untuk dinikmati oleh pengguna-pengguna dalam bentuk harga yang diturunkan.

WAKIL-WAKIL TUNGGAL KERETA

2. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kementerian beliau sedar bahawa ada bengkel-bengkel kereta yang dipunyai oleh Wakil-wakil Tunggal kereta-kereta yang tertentu yang mengenakan harga yang terlalu mahal, bukan sahaja ke atas jualan barang-barang gantian tetapi upah memperbaiki kereta; jika ya, samada Kementerian dapat mengambil tindakan untuk mengawal perkara ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar ada bengkel-bengkel kereta yang mengenakan harga yang mahal ke atas barang-barang gantian dan juga bayaran yang tinggi bagi memperbaiki kereta. Keadaan ini timbul kerana kebanyakan daripada barang-barang gantian adalah diimport dari luar negeri dan harganya tidak dikawal. Sungguhpun demikian Kementerian saya sedang menyemak atas tindakan-tindakan yang boleh diambil untuk mengawal harga barang-barang gantian, dan juga mempesatkan lagi lebih-lebih lagi kegiatan-kegiatan di bidang perkilangan supaya membanyakkan lagi bilangan projek-projek perkilangan yang boleh mengeluarkan barang-barang gantian untuk keperluan kita sendiri.

PENYAKIT MATA (EYE INFECTION)

3. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar bertanya kepada Menteri Kesihatan

- (a) adalah beliau sedar bahawa penyakit mata sekarang ini sedang merebak dan apakah tindakan Kerajaan supaya penyakit ini tidak merebak di seluruh negara kita;
- (b) apakah langkah-langkah menghindar yang patut dilakukan oleh rakyat supaya mereka tidak menjangkit penyakit ini;
- (c) sudahkah didapati punca penyakit ini supaya dapat dihapuskan sama sekali; dan
- (d) adakah Kerajaan sedar bahawa ada tempat-tempat yang penduduknya terkena penyakit mata ini setelah dilaporkan kepada pihak yang berkenaan tidak juga dihantar apa-apa pertolongan perubatan, jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Ya, Kementerian saya sedar bahawa kejadian-kejadian penyakit mata (atau eye infection) telah bertambah dalam bulan Ogos tahun ini tetapi penyakit itu sekarang telah berkurangan dan

terkawal. Kementerian Kesihatan telah pun mengambil langkah-langkah berikut bagi mengawal penyakit itu:

- (i) Publisiti—penyebaran yang seluas-luasnya mengenai langkah-langkah yang akan diambil oleh orang-orang ramai telah dilakukan menerusi surat khabar, radio dan talivisyen.
- (ii) Rawatan “Symptomatic” diberikan kepada semua kejadian penyakit di hospital-hospital dan kelinik-kelinik.
- (iii) Doktor-doktor Kerajaan telah mengarah supaya pesakit-pesakit diasingkan daripada orang-orang lain. Jika mereka itu pekerja-pekerja, maka mereka hendaklah diberi cuti sekurang-kurangnya 5 hari, untuk mengasingkan diri di rumah masing-masing.
- (iv) Kementerian juga telah memberi arahan-arahan kepada semua guru-guru sekolah bagi menilai mana-mana kanak-kanak sekolah yang mengidap penyakit dan menghantarkan mereka ke hospital atau kelinik yang berdekatan.
- (v) Telah dinasihatkan supaya semua kolam mandi ditutup sehingga dibenarkan dibuka oleh Jabatan Kesihatan.
- (b) Langkah-langkah untuk menjauhkan penyakit yang patut diambil oleh orang ramai adalah seperti berikut:

Apa hendak dibuat (iaitu apa orang ramai patut buat):

- (i) Dapatkan rawatan perubatan dengan segera apabila terdapat tanda-tanda penyakit itu.
- (ii) Duduk di rumah sehingga penyakit itu sembuh.
- (iii) Gunakan kertas tissue bagi menyapu rembesan (secretions of the eyes) dan membakar kertas tissue itu, atau gunakan saputangan yang bersih dan basuh saputangan itu dengan air dan sabun selalu.
- (iv) Jauhkan diri dari tempat-tempat ramai seperti panggung wayang, kolam mandi dan tempat-tempat keramaian dan lain-lain.

- (v) Basuh tangan anda dengan sabun dan air sekiranya anda mengasuh anak-anak anda.

Apa yang tidak boleh dibuat oleh orang ramai:

- (i) Jangan gunakan ubat penawar sendiri jika penyakit itu menjadi dan janganlah berubat sendiri.
 - (ii) Jangan digosok mata itu, jika ia didapati merah.
 - (iii) Jangan gunakan saputangan kawan atau saudara anda dan pakaian mereka.
 - (iv) Jangan berenang apabila mata anda merah-menyala. Sepatutnya, seseorang itu janganlah berenang, semasa wabak berlaku, terutama sekali di kolam-kolam berenang.
- (c) Ya, punca penyakit itu telah dapat di-kesan. Ianya disebabkan oleh sejenis virus, Cocksackie A24. Penyakit ini adalah "self-limiting" yakni sembuh sendiri dan adalah mustahil membasmikannya dengan sepenuhnya.
- (d) Pertolongan perubatan sedang diberikan di semua hospital dan kelinik di seluruh negara pada setiap masa, kepada semua kejadian penyakit mata. Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat sedar ada beberapa kejadian penyakit mata telah tidak dapat diberi pertolongan, maka Ahli Yang Berhormat bolehlah memberitahu Kementerian saya di mana perkara ini telah berlaku supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil bagi menghalang perkara itu berlaku semula. Sekarang sudah menjadi dasar bahawa sebarang kejadian penyakit yang berlaku hendaklah diselidiki, dan langkah-langkah rawatan dan kawalan dijalankan dengan segera.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat puas hati dengan jawapan itu? (*Ketawa*).

MAS—HAK PENDARATAN

4. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Perhubungan menyatakan negara-negara yang telah memberi hak pendaratan kepada MAS dan bilangan syarikat penerbangan yang telah diberi hak pendaratan oleh Malaysia.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 22 buah negara telah menandatangani perjanjian udara dengan Malaysia dengan memberi hak-hak pendaratan kepada MAS. Negara-negara itu ialah Saudi Arabia, Australia, Belgium, Ceylon, Czechoslovakia, Denmark, Iraq, Kuwait, Norway, Sweden, India, Indonesia, Jepun, Netherlands, Jordan, Pakistan, Singapura, Thailand, Soviet Union, United Kingdom, Lebanon dan Amerika Syarikat. Di samping itu Taiwan dan Luxembourg telah memberi hak-hak pendaratan dengan secara permit sementara.

Sebanyak 23 buah syarikat-syarikat telah diberi hak pendaratan di Malaysia. Syarikat-syarikat penerbangan tersebut ialah Qantas Sabena, Air Ceylon, CSA (Czechoslovakia), Aeroflot, SAS, Air India, Garuda, Merpati, Indonesia, Bouraq Airlines, Japan Airlines, KLM, Pakistan Airlines, Singapore Airlines, Thai Airways Company, Thai International Airways, British Airways, Royal Brunei Airlines, Cathay Pacific, China Airlines (Taiwan), CARGOLUX (Luxembourg—cuma cargo), TMA (Lebanon—cuma cargo), Pan Am (cuma cargo).

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen berkenaan adakah apabila kapalterbang kita dibenarkan mendarat, semasa itu juga dibenarkan mengambil penumpang daripada lapangan terbang tersebut daripada 22 buah lapangan terbang tersebut.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalnya saya tidak begitu faham.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalnya, apabila kapalterbang MAS dibenarkan mendarat di tempat-tempat atau di negeri-negeri yang disebutkan tadi, adakah boleh mengambil penumpang dari situ atau hanya untuk refuelling (mengambil minyak) sahaja dan tidak boleh ambil penumpang.

Tuan Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

TENTERA MERAH JEPUN—LANGKAH KESELAMATAN

5. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Hal Ehwal Dalam menyatakan langkah-langkah keselamatan yang telah dan

sedang diambil untuk mencegah kejadian serangan seperti yang dilakukan oleh anggota-anggota Tenterah Merah Jepun baru-baru ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah dijawab dengan sepenuh pada 28hb Oktober, 1975.

PERKHIDMATAN KESIHATAN NASIONAL (NATIONAL HEALTH SERVICE)

6. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah kerajaan akan menimbang memperkenalkan Perkhidmatan Kesihatan Nasional "National Health Service" tanpa mengadakan pembahagian kelas seperti dilakukan di Hospital-hospital seluruh negara pada masa ini dan jika tidak, mengapa.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada tindakan yang diambil untuk menukarkan corak Perkhidmatan Kesihatan di negara ini kepada National Health Service. Wad-wad tanpa kelas tidak dapat diadakan kerana Hospital-hospital telah dibena dengan wad-wad berkelas. Pertukaran kepada wad-wad tanpa kelas memerlukan wang yang banyak. Adalah difikirkan lebih menasabah pada masa ini orang-orang yang mampu membayar perkhidmatan yang diberikan kepada mereka dan juga sebahagian besar daripada masyarakat tidak akan menerima perubahan ini.

KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI (TATATERTIB PELAJAR-PELAJAR)

7. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Pelajaran menyatakan samada kaedah-kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1975 telah diadakan untuk universiti lain di Malaysia; jika tidak, mengapa.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan juga telah mengadakan kaedah-kaedah Universiti Kebangsaan (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1975, dan Universiti Sains Malaysia baru membentangkan perkara ini kepada pihak majlis. Universiti yang lain juga akan menyediakan kaedah-kaedah yang sama.

LEMBU KEPADA ORANG KAMPUNG—PEMBAHAGIAN

8. Tuan Mohd. Zahari bin Awang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada beliau sedar bahawa pembahagian lembu kepada orang-orang kampung di bawah sistem pawah telah tidak juga menghasilkan pertambahan pengeluaran lembu yang sangat-sangat diperlukan oleh negara ini. Jika sedar, apakah rancangan-rancangan Kerajaan untuk menjadikan pembelaan lembu di luar bandar atas dasar penuh masa suatu usaha yang berpendapatan lumayan memandangkan kepada hal bahawa pada masa ini usaha itu dijalankan secara sambilan sahaja.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar, tetapi jika rancangan ini tidak dilaksanakan, pengeluarannya mungkin merosot. Tujuan Kerajaan melaksanakan rancangan pawah bukanlah semata-mata untuk menambahkan pengeluaran lembu bahkan juga untuk menambahkan bilangan ternakan di kawasan-kawasan yang dahulunya tidak begitu banyak bilangan lembunya dan untuk menambah pendapatan petani-petani yang memernak secara sambilan.

Dalam usaha Kerajaan hendak menambahkan pengeluaran lembu dan meninggikan pendapatan penternak-penternak, strategi Kerajaan buat beberapa tahun akan datang adalah menggalakkan petani-petani menjalankan perusahaan itu secara sambilan. Kerajaan akan melipatgandakan usahanya ke arah ini dengan menggalakkan cara-cara pemeliharaan dan pembiakan yang lebih moden, termasuk mengimpot ternakan jenis susu dan daging daripada luar negeri.

PETANI-PETANI BUMIPUTRA—PINJAMAN WANG

9. Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu rancangan khas memberi pinjaman wang kepada petani-petani atau pekebun-pekebun kecil Bumiputra untuk membolehkan mereka membeli lembu/kerbau jenis baka baik untuk pembelaan dan pembiakan sebagai satu daya usaha bagi menambahkan pendapatan wang mereka.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan sahabat saya Yang Berhormat ini, buat sekarang ini, tidak. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, kemudahan-kemudahan ada didapati daripada beberapa bank tempatan, termasuk Bank Pertanian, bagi petani-petani atau pekebun-pekebun kecil Bumiputra memohon pinjaman bagi membolehkan mereka menjalankan rancangan-rancangan ternakan. Beberapa petani/pekebun kecil Bumiputra telahpun diberikan pinjaman itu.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di antara 5 juta orang penduduk-penduduk luarbandar lebih-kurang 500 atau 600 orang sahaja petani-petani yang mendapat bantuan ternakan dan ini pun menurut sekim pawah. Adakah pihak Kementerian yang berkenaan berpuas hati di atas polisi yang berjalan sekarang ataupun berniat hendak mengkaji semula supaya banyak lagi bantuan yang lebih berkesan dapat dicurahkan kepada rakyat di luar bandar yang ingin kepada perubahan-perubahan hidup.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Bank Pertanian adalah sentiasa membuka pintunya untuk pinjaman kepada penternak-penternak ini. Apa yang diperlukan oleh pihak Bank Pertanian ialah projek-projek yang boleh difikirkan maju baru dapat dipertimbangkan, dan sepanjang yang saya tahu di dalam tempuh Rancangan Malaysia Kedua daripada jumlah lebih daripada \$140 juta pinjaman yang telah dikeluarkan untuk penternak-penternak sebanyak \$5,000,389.00 sahaja telah dikeluarkan.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa satu perkara yang menjadi kesulitan pada penduduk-penduduk di luar bandar untuk membuat pinjaman pada Bank Pertanian ini jika sekiranya pinjaman itu berjumlah kecil, pun terpaksa keputusan itu diambil daripada ibu pejabat di Kuala Lumpur. Dan jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil sekurang-kurangnya untuk memberikan kuasa kepada Bank-bank Pertanian di tempat-tempat yang berkenaan untuk mengeluarkan pinjaman-pinjaman kecil, misalnya, \$1,000 ke bawah ataupun \$2,000 ke bawah untuk memudahkan petani-petani dan nelayan-nelayan di luar bandar?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah soal pentadbiran, jika sekiranya ada masalah yang berbangkit demikian, saya berharap Yang Berhormat itu boleh berjumpa dengan saya untuk saya aturkan dengan pegawai yang berkenaan bagi mendapatkan kemudahan.

BEKALAN LETRIK KE BUKIT MERTAJAM

10. Tuan Tan Cheng Bee bertanya kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan samada beliau sedar bahawa di masa-masa ke belakangan ini telah kerap berlaku kerosakan bekalan letrik dalam kawasan Bukit Mertajam, dan juga di setengah-setengah tempat yang jauh dan terpencil dari bandar dan kampung-kampung. Pengguna-pengguna telah mengadu bahawa kuasa letrik ke tempat-tempat mereka tidak dapat menikmati rancangan-rancangan Talivisyen atau mendengar berita-berita radio yang mana adalah sangat mustahak di hari ini yang cepat berubah-ubah. Dapatkah Menteri memberikan jaminan bahawa setiap usaha sedang dibuat bagi menyimpan setok ke atas semua barang-barang mustahak dan kelengkapan-kelengkapan di semua Daerah Lembaga Letrik Negara supaya kerosakan dan lain-lain kekurangan tidak akan berlaku dengan kerapnya, dan sebarang kerosakan dan kekurangan dapat diambil tindakan dengan tidak dilengah-lengahkan.

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Datuk Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, memang benar bekalan letrik ke kawasan-kawasan Bukit Mertajam di masa-masa kebelakangan ini telah terganggu dan ianya adalah disebabkan oleh perkara-perkara seperti berikut:

- (1) Gangguan yang dirancang untuk mengurangkan beban (load shedding), tetapi perkara ini tidak jadi masalah sekarang kerana penjana kuasa ke rangkaian bekalan LLN adalah didapati memuaskan;
- (2) Kerosakan teknikal di dalam sistem pembahagian letrik yang berlaku yang tidak dapat dielakkan; dan
- (3) Kerosakan seringkali berlaku di musim tengkujuh semasa cuaca buruk menyebabkan bekalan terganggu kerana dawai-dawai saluran atas terkena petir atau ditimpa oleh pokok-pokok kayu.

Pihak Lembaga Letrik Negara Bukit Mertajam adalah senantiasa berusaha melayan semua aduan-aduan gangguan bekalan letrik dan memperbaiki semua kerosakan dengan seberapa cepat yang boleh. Walau bagaimanapun, kesulitan untuk memulihkan-bekalan letrik dengan serta-merta apabila gangguan berlaku seperti yang dinyatakan di perenggan 1 (3) di atas tidak dapat dielakkan oleh kerana gangguan seperti ini selalunya melibatkan banyak kawasan dan banyak pengguna dan langkah-langkah untuk memperbaikinya terpaksa dibuat dengan cara bergiliran.

Aduan voltan rendah ada juga diterima dari penduduk-penduduk di Bukit Mertajam. Pihak LLN ada mempunyai rancangan untuk membina satu pencawang utama 33 kV di bawah Rancangan Malaysia Ketiga di Kulim, Kedah. Dengan ada pencawang ini nanti bekalan ke Bukit Mertajam dan kawasan-kawasan disekitarnya akan bertambah kukuh.

Tuan Tan Cheng Bee: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang digunakan oleh LLN ini di daerah Bukit Mertajam kurang seperti perkakas yang kita kenal sebagai wagon tower satu sahaja digunakan di daerah Bukit Mertajam, daerah Seberang Tengah, Seberang Selatan dan Sungai Petani di Kulim iaitu perkakas itu kena berpusing. Jadi, bila ada satu lampu jalan jahanam atau rosak kita kena tunggu dalam masa 4 atau 5 minggu baru dapat perkakas itu perbaiki kerosakan lampu-lampu yang ada di jalan itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini perkakas apa? Perkakas kereta atau perkakas. . . .

Tuan Tan Cheng Bee: Saya hendak tanya, adakah Yang Berhormat Menteri sedar, kalau sedar apakah langkah yang Menteri hendak ambil supaya mendapatkan wagon tower itu tiap-tiap daerah LLN.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri sedar, dawai ini kena petir, tetapi adakah Yang Berhormat Menteri hendak jawab?

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, memang ada kekurangan alat-alat seperti wagon tower, tetapi oleh

sebab harganya mahal, jadi tidak dapatlah LLN hendak mengadakan dengan banyak. Walau bagaimanapun, pihak LLN akan berikhtiar menambahkan wagon tower ini. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat iaitu kerosakan lampu-lampu di jalan itu bukan mesti menggunakan wagon tower sahaja untuk memperbaikinya, tetapi boleh juga digunakan alat-alat yang lain.

BEKALAN LETRIK KE KAWASAN RENGIT DAN PARIT SULONG

11. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan samada beliau sedar bahawa beribu-ribu penduduk di kawasan Rengit dan Parit Sulong di daerah Batu Pahat telah menunggu beberapa tahun akan perlaksanaan Rancangan Bekalan Letrik di kawasan mereka. Jika sedar, apakah tindakan-tindakan yang akan dijalankan untuk menentukan rancangan itu dapat dilaksanakan dengan seberapa segera pada tahun 1976.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar penduduk-penduduk di kawasan Rengit dan Parit Sulong, Batu Pahat telah menunggu beberapa tahun untuk mendapat bekalan letrik. Cadangan untuk mengadakan bekalan letrik di kawasan Rengit telah dimasukkan ke dalam senarai cadangan projek-projek luar bandar bagi Rancangan Malaysia Yang Ketiga yang akan dibawa ke Dewan ini pada awal tahun hadapan bagi kelulusannya. Projek Rengit adalah dianggarkan memerlukan perbelanjaan sebanyak \$620,000 untuk membekalkan letrik ke 500 buah rumah. Cadangan projek luar bandar ke kawasan Parit Sulong yang dianggarkan sebanyak \$802,800 untuk lebih-kurang 716 buah rumah telah juga dimasukkan di dalam senarai yang sama.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa satu daripada sebab-sebab kelambatan bekalan letrik ini seperti yang berlaku di Rancangan Rengit, Parit Sulong dan lain-lain tempat lagi ialah kerana peraturan yang berjalan sekarang bahawa satu-satu projek atau rancangan letrik ini ditampung oleh pihak, iaitu Kerajaan Negeri, LLN dan pihak Kerajaan Persekutuan, dan kadang-kadang

ada rancangan yang Kerajaan sudah setuju sementara itu Kerajaan Negeri pula tidak bersetuju, rancangan itu tergendala. Jadi, adakah cadangan pihak Kerajaan supaya mengubah cara ini iaitu Kerajaan Persekutuan menampung keseluruhan perbelanjaan itu. Ini saya rasa boleh mengelakkan kelambatan seperti apa yang saya katakan tadi.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Tuan Yang di-Pertua, tiada cadangan oleh Kerajaan Pusat untuk membelanjakan 100% terhadap bekalan letrik keluar bandar telah dipersetujukan di atas dasar iaitu 3 pihak membelanjakan 1/3 dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, 1/3 Kerajaan dan 1/3 lagi oleh Lembaga Letrik Negara.

Ketentuan ataupun keutamaan adalah diserahkan kepada Jawatankuasa Tindakan Negeri bagi menentukannya dan pihak LLN selepas sahaja Tindakan Negeri meluluskan dan dipersetujukan oleh Jawatankuasa Tindakan itu maka LLN akan melaksanakan rancangan yang diluluskan itu.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, kadangkala wangnya ada tetapi pihak LLN memberi alasan bahawa barangnya pula tidak ada, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi pengakuan apabila wangnya ada barangnya juga akan ada.

Datuk Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bolehlah memberi pengakuan seperti itu dengan sebab barang-barang ini kadang-kadang kita order 2-3 tahun belum lagi sampai tetapi keadaan sudahpun semakin bertambah baik pada masa ini dan barang-barang pun boleh dikatakan sampai sungguhpun tidak memuaskan lagi, tetapi boleh dikatakan 85% sudahpun memuaskan.

SEKOLAH-SEKOLAH KEBANGSAAN DI KELANTAN

12. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa buah sekolah-sekolah kebangsaan di negeri Kelantan yang dahulunya sekolah rakyat yang masih belum mendapat bangunan asasnya;

(b) samada projek-projek pembinaan bagi sekolah-sekolah tersebut sudah diluluskan oleh Kementerian Pelajaran;

(c) sekiranya sudah, bilakah rancangan pembinaan itu akan dimulakan;

(d) samada boleh pihak Jabatan Kerja Raya menyempurnakan pembinaan sekolah-sekolah itu dalam tahun projek itu diluluskan; dan

(e) sekiranya pihak Jabatan Kerja Raya tidak mempunyai tenaga untuk melaksanakan rancangan pembinaan pada tahun yang diluluskan itu, apakah langkah gantian yang harus diambil bagi mempercepatkan rancangan pembinaan itu.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat:

(a) 7 buah.

(b) sudah.

(c) Rancangan pembinaan telah dan akan dimulakan mengikut tahun-tahun satu-satu projek itu diluluskan.

Diturunkan di bawah ini nama-nama sekolah yang bersangkutan:

Bil.	Nama Sekolah	Tahun projek diluluskan	Kemajuan Projek
I	SRK. Kelewak, Tanah Merah	1973	Dalam Pembinaan
II	SRK. Banggol, Petai, Pasir Mas	1974	Dalam Pembinaan
III	SRK. Kg. Baru, Pasir Mas	1974	Dalam Pembinaan
IV	SRK. Pulau Kandor, Kota Bharu	1974	Masaalah tapak
V	SRK. Bakong, Bachok	1974	Masaalah tapak
VI	SRK. Bakut, Pasir Mas Kota Bharu	1975	Masaalah tapak
VII	SRK. Chicha Menyambong,	1975	Masaalah tapak

(d) Pihak J.K.R. tidak dapat menyempurnakan pembinaan dalam tahun projek itu diluluskan oleh kerana dari tarikh projek diluluskan hingga bangunan didirikan masa yang diperlukan secepat-cepatnya ialah 10 bulan. Kecepatan ini juga bergantung kepada tidak adanya sebarang kesulitan yang dihadapi.

(e) Tiada langkah gantian diambil kerana masaalah yang dihadapi bukanlah masaalah kekurangan tenaga pihak J.K.R. tetapi adalah melibatkan kesulitan lain seperti masaalah tapak dan juga masaalah pengambilan balik tanah yang selalunya mengambil masa untuk diselesaikan.

TARIAN BOGEL DI KELAB MALAM

13. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) sebab-sebab Kerajaan mengharamkan pertunjukan tarian bogel di kelab-kelab malam di Wilayah Persekutuan semasa perlawanan kejahatan tinju dunia yang diadakan pada bulan Julai tahun ini;
- (b) mengapakah pertunjukan tarian bogel tidak diharamkan semasa Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam yang diadakan di Kuala Lumpur pada awal tahun ini; dan
- (c) samada beliau akan mengarah pihak-berkuasa yang berkenaan mengharamkan pertunjukan tarian bogel di kelab-kelab malam, dan jika tidak mengapa.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tarian bogel tidak pernah dibenarkan dipertunjukkan di kelab malam. Sebab lesen untuk pertunjukan tarian pentas (tarian separuh bogel) tidak dikeluarkan pada masa perlawanan kejahatan tinju dunia yang diadakan pada bulan Julai tahun ini ialah untuk menggalakkan penganjur-penganjur kelab malam mengadakan pertunjukan-pertunjukan kebudayaan dengan tujuan memberi peluang kepada pelancung-pelancung dan orang-orang luar yang ramai datang pada waktu itu menikmati dan mengenali kebudayaan kita.
- (b) Langkah yang serupa tidak diambil semasa Persidangan Menteri-menteri Luar Negeri-negeri Islam yang diadakan pada awal tahun ini kerana difikirkan tidak ramai bilangan orang-orang luar yang datang dan mungkin mereka ini tidak pun mengunjungi kelab-kelab malam.
- (c) Perkara mengharamkan tarian bogel tidak timbul kerana lesen seumpama itu tidak pernah dikeluarkan. Tetapi cadangan untuk mengharamkan tarian-tarian separuh bogel mungkin akan dipertimbangkan.

Tuan Luhut Wan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bersetuju supaya tarian bogel harus diharamkan sama sekali?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya, saya telah memberi pendapat saya sendiri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ini separuh bogel atau bogel penuh? (*Ketawa*).

Tuan Luhut Wan: Separuh bogel ataupun bogel penuh itu sama sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Bahagian mana?

Tuan Luhut Wan: Separuh bogel.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Luhut Wan: Soalan tambahan Maksud saya tadi, Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang supaya tarian separuh bogel harus diharamkan bukan hanya pada ketika tinju dunia itu sahaja diharamkan tetapi harus diharamkan sama sekali.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu separuh mana? (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya sudah bertanya tadi tetapi Yang Berhormat belum menetapkan lagi bahagian mana.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengistilahkan apa yang dianggapnya separuh bogel dan apa yang penuh bogel?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat hendak tahu dengan jelasnya bolehlah saya menerangkan syarat-syarat pertunjukan iaitu yang dikatakan tiada berbogel lakunannya, tidak lucuh, tidak mendedahkan buah dada (*Ketawa*), puting buah dada mesti ditutup, penari tidak boleh merapat penuntun dan seluar dalam mesti menutupi setengah bahagian ponggong dan bahagian hadapan (*Ketawa*). Saya fikir itu sudah jelas apa yang dikehendaki.

Dr Tan Chee Khoon: (*Bangun*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli dari Kepong pun hendak bertanya juga? (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Saya hendak bertanya soalan lain bukan berkenaan bogel, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri bagi jawapan (b) telah menyatakan bahawa Kerajaan menganggap Wakil-wakil ke Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam tidak pergi melawat ke kelab-kelab malam di Kuala Lumpur. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan bagaimanakah beliau atau Kerajaan tahu wakil-wakil ini tidak meninjau ke kelab-kelab malam di Kuala Lumpur.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab tadi "difikirkan" beliau tidak berkata terus cuma difikirkan sahaja.

Dr Tan Chee Khoon: Tetapi saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan bagaimanakah beliau atau Kerajaan fikirkan. Ada buktikah yang menunjukkan bahawa wakil-wakil ke persidangan ini tidak meninjau ke kelab malam?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Barangkali tidak payah pergi pun ke kelab malam.

Dr Tan Chee Khoon: Itu terpulanglah kepada Menteri.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat ada jumpa, tetapi saya tidak pernah pergi ke kelab malam. jadi saya tidak tahu (*Ketawa*).

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk hendak menentukan supaya peraturan-peraturan yang ditetapkan seperti pengharaman tarian bogel dan sebagainya itu tidak berlaku, adakah kita menghantar pegawai-pegawai kita untuk melawat atau lawatan mengejut dibuat ke tempat-tempat yang biasanya ada ditunjukkan.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Siapa yang hendak melawat?

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Pegawai-pegawai kita.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Pegawai-pegawai. Saya ingat siapa.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Untuk menentukan yang perkara itu tidak akan berlaku.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai adalah sentiasa ditugaskan supaya syarat-syarat yang ditentukan itu diamalkan.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Hendak bertanya juga?

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa tarian separuh bogel atau bogel itu sangat merbahaya? (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Hendak dijawab bahawa kepada siapa? (*Ketawa*).

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Merbahaya kepada penuntun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Apa yang bahaya? (*Ketawa*). Tidak payah dijawab. (*Ketawa*).

PEGAWAI-PEGAWAI POLIS CHINA— PENGAMBILAN

14. Tuan Loh Fook Yen (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan dalam usaha mengambil lebih ramai lagi pegawai-pegawai Polis China memasuki Cawangan Khas untuk membolehkan mereka membenteras anasir-anasir Anti-National.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan bahawa sesungguhnya pihak Kerajaan, dalam bidang mengawasi ancaman terhadap keselamatan negara kita tidak sunyi daripada mengambil langkah untuk memperketatkan kawalan satu daripada ikhtiar yang dijalankan ialah bagi mengadakan bilangan anggota yang cukup untuk tugas Polis Cawangan Khas, termasuk pegawai-pegawai China.

HOSPITAL DAERAH BARU DI SITIAWAN

15. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah projek 'Hospital Umum Dindings' dapat dilaksanakan, di mana tapaknya serta anggaran peruntukan yang dikehendaki.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, projek membina sebuah Hospital Daerah Baru di Sitiawan telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Perbincangan atas projek ini telah diadakan dengan pihak Kerajaan Negeri Perak dengan tujuan mendapatkan satu tapak yang sesuai. Pada bulan September tahun ini, pihak Kerajaan Negeri Perak telah mencadangkan memberi satu tapak di kawasan Ayer Tawar pihak Kementerian setelah mengkaji beberapa aspek tidak bersetuju menerima tapak itu dan akan mencadangkan satu kawasan lain yang lebih sesuai. Namun demikian, untuk mempercepatkan pelaksanaan projek ini satu kumpulan akitek swasta telah dilantik untuk menyediakan pelan-pelan reka bentuk hospital baru ini. Pihak mereka akan memulakan persediaan pelan-pelan tidak lama lagi dan ini mungkin akan mengambil masa lebih kurang satu tahun. Selepas itu tawaran bolehlah dipanggil untuk memulakan projek ini. Peruntukan yang telah diluluskan dalam projek ini berjumlah \$4.2 juta termasuk pembelian alat-alat dan kelengkapan-kelengkapan.

HOSPITAL BESAR IPOH—PENTADBIRAN HURUHARA

16. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa pentadbiran Hospital Besar Ipoh adalah dalam keadaan huruhara dan merosot disebabkan oleh kekurangan Pegawai Perubatan Tertinggi yang bertindak sebagai Penguasa Hospital;
- (b) samada beliau setuju bahawa seorang Penguasa Hospital haruslah dari kakitangan pentadbiran (purely from administrative staff), bukan Pegawai Perubatan Besar kini yang adalah juga seorang ahli pembedahan (surgeon); dan jika ya, samada beliau akan menimbang kelak memilihnya dari kakitangan pentadbiran sahaja.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) sepanjang yang saya tahu, pentadbiran di Hospital Ipoh adalah memuaskan.
- (b) Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk menghantarkan seorang Pentadbir Hospital Kanan ke Ipoh pada masa ini.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa hingga masa sekarang dalam Ward 9 Hospital Ipoh katil-katil masih penuh sesak dan pesakit-pesakit selalu tidak dapat selimut. Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerannya untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain; itu soal katil. Soalan asal berkenaan pentadbiran.

LAMIN YUNUS—CADANGAN MENGHARAMKAN PERSATUAN SEKERJA DALAM PERKHIDMATAN PERLU

17. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada beliau sedar bahawa seorang DPP, Encik Lamin Yunus telah mencadangkan supaya persatuan sekerja antara pekerja dalam perkhidmatan perlu diharamkan; jika ya, nyatakan samada pandangan itu dipersetujui oleh Kerajaan Pusat.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan oleh Encik Lamin adalah suatu perkara yang dibuat semasa memberi hujahnya di hadapan Mahkamah dalam suatu pembicaraan. Itu bukanlah pandangan Kerajaan tetapi pandangan beliau sendiri. Persetujuan Kerajaan atau tidaknya atas pandangan itu tidaklah timbul.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar Encik Lamin bin Yunus sebagai seorang peguam dan pegawai tinggi di dalam Perkhidmatan Kerajaan. Walaupun beliau bercakap demikian di dalam pembicaraan di Mahkamah, tetapi kalau Timbalan Menteri berkata bahawa pandangan itu pandangan beliau sendiri, tetapi Kesatuan-kesatuan Sekerja di tanahair kita telah membantah terhadap perkataan atau pandangan itu, dan mereka kluatir oleh sebab Encik Lamin bin Yunus ialah seorang pegawai tinggi atau pegawai kanan, maka perkara itu boleh menjadi pandangan Kerajaan juga.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan tadi ini bukanlah pandangan Kerajaan. Pandangan itu adalah dibuat dalam pembicaraan sebagai pandangan

persendirian dan apa yang dikatakan dalam Mahkamah adalah satu kenyataan yang ber-
taraf privilege.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan berkata apa yang diucapkan oleh seseorang peguam di dalam Mahkamah ialah privilege. Tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bolehkah beliau memberi nasihat kepada semua DPP atau Senior Federal Counsel jangan membuat pandangan yang begitu controversial yang boleh menjadi merbahaya kepada Kesatuan Sekerja di tanahair kita.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya menjawab Kerajaan akan mengambil perhatian kepada pandangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT KOPERATIF (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (29hb Oktober, 1975).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Waktu Dewan ini ditangguhkan petang semalan, Ahli Yang Berhormat dari Arau hendak bercakap dan saya janjikan boleh bercakap. Ahli Yang Berhormat hendak bercakap? Sila.

3.17 ptg.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang turut serta menyokong pindaan Rang Undang-undang Syarikat Koperatif, 1948 yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan dalam Majlis yang mulia ini.

Rakyat yang cintakan pergerakan koperatif yakin dan percaya bahawa pergerakan kope-
rasi adalah satu-satunya jalan yang tunggal bagi pembangunan ekonomi rakyat di luar bandar telah menunggu begitu lama pindaan kepada undang-undang ini. Sekarang buah

yang ditunggu telah gugur. Saya harap buah yang gugur itu janganlah hendaknya menjadi kematu seperti batu. Memandang kepada pindaan yang dibuat itu setelah melalui perkembangan-perkembangan melalui percubaan-percubaan pahit dan maung pengalaman-pengalaman yang dideritai oleh rakyat dan Kerajaan serta dirasai oleh syarikat-syarikat koperasi, saya tidak ragu-ragu menyokong pindaan ini.

Saya bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa walau bagaimana indah sekali pun undang-undang itu tidak akan bererti kalau perlaksanaannya tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan rapi. Mana ada satu undang-undang yang lengkap dan sempurna dari undang-undang Allah, tetapi tidak mendapat kepercayaan dan tidak dilaksanakan tidak bererti.

Saya bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa kejayaan syarikat kerjasama itu dapat dicapai dengan kesedaran masyarakat. Saya bersetuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa syarikat itu berjaya dengan pimpinan yang bersungguh-sungguh dari pegawai yang berpengalaman, pimpinan yang jujur dan sebagainya. Berasaskan kepada inilah maka saya berharap pindaan yang dilakukan itu dapat mengembalikan keyakinan rakyat kepada pergerakan koperatif yang mana pada masa ini telah pudar dan rakyat di luar bandar telah jelak mendengar perkataan syarikat kerjasama ataupun syarikat koperatif di kampung-kampung.

Pindaan yang dilakukan ini nyata akan meluaskan lingkungan pergerakan koperasi yang mana di masa ini terhad di dalam lingkungan yang sempit. Sempitnya lingkungan koperasi yang ada melahirkan syarikat-syarikat koperasi yang banyak macam cendawan. Sebagai contoh di dalam kumpulan guru-guru sahaja koperasi bermacam corak, ada koperasi jimat cermat guru-guru, ada koperasi perumahan guru-guru, ada koperasi permodalan guru-guru, ada koperasi gudang guru-guru yang membekalkan keperluan harian dan berbagai lagi koperasi guru-guru. Seorang guru telah menceburkan diri di dalam lebih daripada 5 buah koperasi. Begitu juga golongan yang lain daripada golongan guru. Sempitnya lingkungan kope-
rasi ini membawa ahli koperasi menyeleweng daripada dasar koperasi yang sebenar. Kalau kita perhatikan ataupun selidiki sebab-sebab

pinjaman yang dibuat oleh seseorang ahli sesebuah syarikat koperasi itu kita boleh dapati seorang ahli koperasi itu meminjam kerana membina rumah ataupun memperbaiki rumah tiap tahun, seorang ahli koperasi itu meminjam kerana sakit tiap bulan. Ini adalah disebabkan oleh sempitnya pergerakan koperasi di masa lalu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sakit yang macam mana tiap-tiap bulan itu. Tidak mengapa, sila teruskan.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed: Lagi satu harapan yang saya harap dapat dilaksanakan oleh pindaan Undang-undang ini janganlah hendaknya digalakan penubuhan koperasi yang bercorak sekerja seperti koperasi guru-guru, pegawai Kerajaan, pegawai polis dan sebagainya kerana pada pendapat saya koperasi yang sedemikian corak ini yang bercorak sekerja ini, menghadkan ajal keahlian seorang ahli itu sebelum ia mati. Menjadikan roh ahli itu berkhayal dengan kejayaan koperatifnya yang dahulu, manakala dia melintasi di hadapan bangunan-bangunan yang indah tersergam, dia akan berkata bangunan itu bangunan koperasinya dahulu, tetapi sekarang bukan haknya lagi. "Dahulu hak saya, tetapi sekarang ini bukanlah menjadi hak saya kerana saya telah berhenti daripada berkhidmat dan syarikat itu bukan lagi menjadi syarikat saya."

Berhubung dengan cadangan melantik Pegawai Daerah menjadi Pengerusi Koperasi Daerah, saya harap mendapat timbangan semula daripada Kementerian yang berkenaan dengan alasan selain daripada alasan-alasan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap terdahulu dari saya, bagi negeri Perlis yang kecil yang tidak mempunyai daerah, yang ada mempunyai dua kawasan kalaulah sekiranya Pengerusinya ditugaskan kepada Pegawai Daerah, maka orang yang akan menanggungnya ialah tidak lain dan tidak bukan ialah Setiausaha Kerajaan Negeri kerana beliau adalah menjalankan tugas sebagai Pegawai Daerah di dalam negeri Perlis.

Mengikut apa yang difahamkan kepada saya, Syarikat Koperasi Daerah yang akan ditubuhkan di bawah Undang-undang pindaan ini tidak akan menerima selain daripada ahli perseorangan, syarikat koperasi kecil ataupun besar yang maju tidak diterima menjadi ahli gabungan di dalam koperasi

itu. Ini menghampakan harapan koperasi-koperasi maju dapat membantu bagi menjayakan koperasi-koperasi daerah, malahan sebaliknya menggalakkan individu-individu yang berkemampuan memonopoli pergerakan koperasi manakala dilihatnya koperasi daerah ini dapat membawa kemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini kerana pada pendapat saya boleh membawa kejayaan kepada gerakan koperasi. Seagi kaum tani di kampung-kampung tidak mendapat keuntungan hasil usaha mereka seimbang dengan lama masa dan banyaknya peluh mereka yang telah dikeluarkan dan selagi kaum nelayan tidak dapat haknya yang berpatutan daripada bahaya yang mereka harungi di dalam masa mengerjakan perusahaan mereka, maka selama itulah saya anggap pergerakan koperasi di negara kita ini belum berjaya.

3.26 ptg.

Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong di atas pindaan Akta Koperatif di hadapan kita. Kita semua sudah dengar berbagai pendapat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Sekarang saya hendak kemukakan sedikit di atas koperatif wanita. Baru-baru ini kita telah difahamkan bahawa wanita di dalam gerakan koperatif terlalu kecil, lebih kurang 4% sahaja dan ini amat mengecewakan bukan sahaja wanita tetapi kita semua. Kalau ditinjau pendapat dan riaksi kaum wanita di dalam perkara ini kita akan dapati bahawa satu faktor penting bagi menarik wanita menjadi ahli koperatif ialah galakan yang diberikan oleh pegawai-pegawai khususnya pegawai wanita.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 50-an lagi Kerajaan memutuskan supaya Jabatan Kemajuan Syarikat Kerjasama memainkan peranan yang besar di dalam usaha menambah kemakmuran negara dan meninggikan taraf hidup rakyat dengan jalan melibatkan rakyat di dalam gerakan koperatif.

Tuan Yang di-Pertua, negara mempunyai dua jenis penduduk, wanita dan lelaki. Wanita merupakan 50% dari jumlah penduduk di negara ini. Rakyat di dalam gerakan koperatif tidak bermakna jika wanita juga tidak terlibat dengan hitungan panjang yang sememang jimat peratusan bilangan wanita untuk

mencapai matlamat wanita itu. Perlulah diwujudkan faktor penting yang saya sebutkan tadi iaitu melantik pegawai-pegawai wanita. Pada masa ini Jabatan Pembangunan Koperatif mempunyai 11 pegawai wanita iaitu:

Pengarah	...	...	...	1
Pegawai	...	...	...	4
Pegawai Muda	...	...	...	6

Lembaga Pertubuhan Peladang mempunyai 6 pegawai wanita:

Pengarah Kanan	...	...	...	1
Pegawai muda	...	...	...	5

Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai dari Jabatan Pembangunan Koperatif dan Lembaga Pertubuhan Peladang perlu menghubungi wanita secara langsung dan bukan dengan surat-menyurat sahaja. Mereka perlu dibimbing oleh kaum wanita yang boleh membimbingnya. Bagaimanakah pegawai-pegawai wanita yang segelintir kecil ini hendak berkhidmat dengan berkesan kepada kaum wanita yang berjumlah 4.3 juta di Semenanjung Malaysia. Bagaimanakah bilangan pegawai wanita hanya 17 orang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan supaya bilangan pegawai-pegawai wanita di dalam kedua-dua jabatan itu ditambah di segala peringkat perjawatan supaya usaha-usaha memperbaiki ekonomi rakyat didukung bersama oleh lelaki dan wanita agar lebih cepat tercapainya matlamat pembangunan negara.

Satu faktor lagi yang melemahkan perceburan wanita di dalam berusaha membangunkan ekonomi ialah berupa bentuk galakan, nasihat dan dorongan yang diberi oleh pemimpin-pemimpin samada dari golongan pemimpin masyarakat mahupun dari golongan pegawai-pegawai. Pemimpin-pemimpin ini biasanya dari jenis lelaki. Apabila mempersoalkan kemajuan dan perkembangan ekonomi wanita, maka wanita dinasihatkan supaya membuat perusahaan seperti jahit-menjahit, tenun-menenun, anyam-menganyam, bertukang-tukang di rumah, membuat permainan atau barang-barang perhiasan, bercucuk tanam di sekeliling rumah.

Tuan Yang di-Pertua, pernahkah perusahaan-perusahaan yang kecil seperti ini membawa kepada perkembangan dan kemajuan ekonomi sesuatu golongan masyarakat?

Sebaliknya pakar-pakar yang membuat kajian telahpun mengeluarkan pendapat bahawa perusahaan jenis cottage industry ini tidak menguntungkan.

Saya harap pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai tidak lagi memberi nasihat yang tidak berguna ini di atas dua sebab, iaitu:

- (i) Wanita tidak mahu menerimanya dan dari itu usaha pemimpin-pemimpin atau pegawai-pegawai itu akan sia-sia.
- (ii) Jika ada wanita-wanita yang terpesona dengan ucapan berapi-rapi dari pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai maka tertanggunglah kesalahan ini di atas pemimpin dan pegawai itu kerana mendorong wanita-wanita kita ke jalan-jalan yang tidak menguntungkan.

Tuan Yang di-Pertua, wanita tinggal di negara yang merdeka dan makmur seperti Malaysia mempunyai bakat dan walaupun kebanyakan wanita kita tidak mempunyai pendapatan yang berasingan malah bergantung kepada pendapatan suami tetapi siapa sebenarnya yang control home government?

Tuan Yang di-Pertua, sesuatu hasil yang didapati daripada wanita tidak memberi projek perindustrian dan perniagaan yang betul, tetapi yang terdapat hari ini ialah nasihat seperti wanita jangan menghabiskan wang dengan membeli gelang dan rantai dan baju yang cantik, lebih baik lagi wang itu disimpan di dalam bank atau dibelikan saham. Tetapi tahukah bahawa saham yang boleh didapati oleh wanita biasanya saham yang orang lain tidak mahu membeli. Adakah ini satu nasihat yang membina? Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai kita hari ini sudah cukup matang di dalam soal memperbaiki ekonomi tentulah mereka bersetuju dengan pengalaman wanita di dalam soal ekonomi. Amatlah mengecewakan kaum wanita mendapati tidak ada langsung disediakan bagi wanita rancangan-rancangan ekonomi yang moden, yang seimbang dan sewajar dengan rancangan pembangunan ekonomi negara. Apakah sumbangan wanita, tidak perlukah bagi pembangunan negara?

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan akan menambah pegawai-pegawai supaya mengkaji semula soal wanita dan ekonomi

negara dan memberikan tempat yang sewajarnya kepada wanita apabila merangka Rancangan Malaysia Ketiga kerana jika ditinggalkan kaum wanita bermakna negara akan rugi sumbangan 50% daripada rakyat.

3.35 *ptg.*

Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin (Jasin): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut sama mengalu-alukan dan menyokong dengan sepenuhnya satu Rang Undang-undang Syarikat Koperatif (Pindaan dan Perluasan) yang di-kemukakan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir selama 53 tahun dasar Syarikat Koperatif ini telah dilahirkan sepatutnya pindaan-pindaan yang sesuai pada pelaksanaan Syarikat Koperatif ini lebih awal lagi telah diperbuat kerana kita semua sedia maklum asas Syarikat Koperatif ini ialah dimajukan dasar-dasarnya oleh penjajahan dahulu. Jadi dengan adanya asas tajaan Syarikat Koperatif yang dimulakan oleh penjajah sudah barang tentu ada beberapa masaalah-masaalah pengeliruan dan seterusnya barangkali sekatan-sekatan kepada kemajuan-kemajuan ahli-ahli Syarikat Koperatif yang lalu telah tidak dapat diatasi sebahagian daripada ahli-ahli koperatif ataupun syarikat di negara kita ini. Walau bagaimanapun dengan kesedaran, saya rasa sepatutnya pindaan-pindaan ini Syarikat Koperatif pada dasarnya perlu dibuat sesudah negara kita merdeka, jadi dapat disesuaikan dengan keadaan-keadaan dan kehendak-kehendak kemajuan Syarikat Koperatif bagi negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan begitu berhubung dengan dasar koperatif yang saya difahamkan yang telah dimulakan oleh penjajah dahulu semata-mata mengajar ataupun melatih ahli-ahli koperatif ataupun syarikat berhutang dan sesudah diajar berhutang cara pembayarannya tidak pula diajar malahan dengan ini banyak ahli-ahli Syarikat Koperatif di negara kita, lebih-lebih lagi di luar-luar bandar yang masih kurang dalam pengalaman-pengalaman dalam masaalah bersyarikat koperatif ini telah menggadai-harta-benda dan ada setengah ahli-ahli itu sendiri telah terlelong harta-benda mereka. Dengan ini pudarlah perasaan ahli-ahli Syarikat Koperatif di negeri kita ini pada masa-masa yang lalu. Walau bagaimanapun kita tidak menafikan, kita ucapkan setinggi-tinggi terima kasih juga kepada Kerajaan dengan

pimpinan-pimpinan, ada juga sebahagian daripada ahli-ahli koperatif dan ahli-ahli syarikat dalam negara kita ini dengan asas syarikat ini jugalah boleh membawakan sedikit-sebanyak kemajuan-kemajuan bagi pihak ahli-ahli syarikat melalui bumiputra mengumpulkan modal dan menjalankan tugas usaha di dalam memperkembangkan kemajuan ekonomi negara kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengutarakan berhubung dengan pindaan-pindaan dasar yang telah dibentangkan ini dan saya juga mengharapkan kepada pihak Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan supaya dasar-dasar ini juga jangan keterlaluan dengan mencedok ataupun mengikuti dasar-dasar atau nasihat-nasihat daripada pakar-pakar koperatif dari luar negeri. Saya mengharapkan dasar yang ada ini supaya benar-benar bukanlah dasar koperatif yang dibentangkan dan kita akan luluskan oleh Dewan ini bahawa kita tidak mahu dasar koperatif ala—England, ala—Australia tetapi kita mahu dasar koperatif ini betul-betul dicipta dasar syarikat koperatif ala—Malaysia sendiri. Saya katakan begitu kerana kita mendapat tahu pada masa-masa yang lalu apabila satu-satu perkara yang dibuat undang-undang atau dijalankan samada dasar ekonomi atau dasar-dasar lain kita keterlaluan sangat dengan memakai pakar nasihat dari luar negeri. Saya fikir sudah lapan belas tahun negara kita merdeka, saya percaya sudah barang tentu ada juga pakar-pakar ekonomi atau pakar-pakar koperatif yang ada di dalam negara kita ini adalah lebih baik kita gunakan supaya dapat kita sesuaikan dengan kehendak ahli-ahli koperatif dan sesuai dengan perkembangan ekonomi negara kita sendiri dan bangsa di dalam negara kita.

Saya faham bahawa seseorang pakar daripada luar negeri ini ada kadang kala memberi nasihat tidak sampai pada masa rakyat negeri ini hendak melaksanakan, kerana jauh bezanya antara dasar pakar luar dengan pakar-pakar yang ada di dalam negeri kita. Saya mengharapkan supaya kita membanyakkan pakar-pakar nasihat kita daripada anak negeri. Mudah-mudahan dengan pindaan undang-undang ini sesuai dan selaras dengan selera bahkan boleh dilaksanakan oleh ahli-ahli syarikat koperatif dalam negara kita pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya suka juga menyentuh dalam masaalah Fasal 6 berhubung dengan pindaan hendak

memperbesarkan sesebuah koperatif yang boleh didaftarkan dan diterima oleh pendaftar sebanyak sekurang-kurangnya 100 orang ahli. Ini rasa saya baik, tetapi saya mengharap-kan kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji sedikit dalam masaalah-masaalah ini. Sebab sebagai perlaksanaannya kalaulah dahulu 10 hingga 25 orang boleh didaftarkan sebagai koperatif atau syarikat, ini pun susah, malahan pula kita hendak cari 100 orang ahli di luar bandar, rasa saya satu perkara yang agak rumit sedikit, tetapi jika ada pakar daripada Kementerian atau Kerajaan boleh mengumpul 100 orang ahli baharu syarikat itu didaftarkan, ini saya angkat topi, tetapi saya rasa sulit sedikit. Sebab saya sendiripun faham dalam masaalah ini kerana hendak mengumpulkan seorang ahli ekonomi, yang tahu sungguh-sungguh selok-belok wang itu menjadikan ekonominya sendiri di masa akan datang ini rasa saya amat sulit. Saya mengharap-kan kepada Kementerian yang berkenaan supaya menimbangkan semula dalam masaalah 100 orang lebih menjadi ahli syarikat baharu boleh didaftarkan. Kalau boleh dikendurkan sedikit iaitu sekurang-kurangnya 50 orang ahli. Ini saya fikir menasabah, sesuai dan boleh penduduk luar bandar menjadi ahli koperatif yang berdaftar dan dapat sama-sama menjalankan tugas urusan perlaksanaan kemajuan ekonomi perniagaan dan perusahaan di masa-masa yang akan datang dalam negara kita.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh berhubung dengan masaalah perlaksanaan. Saya sungguh mengikut dalam masaalah syarikat koperatif ini daripada tahun lima puluhan lagi, tetapi apa yang saya hendak tekankan di sini kadang-kala ada setengah-setengah syarikat koperatif di kampung-kampung di luar-luar bandar sememang ingin mahu bergerak maju dan ahli-ahlinya pun bagus tetapi ada kadang-kadang kurang sesuai dengan pegawai-pegawai koperatif itu sendiri seperti yang telah sudah. Mereka tidak dapat menyesuaikan sebagai seorang pegawai syarikat koperatif yang duduk di dalam bandar bila datang ke luar bandar kadang-kala boleh menakutkan ahli-ahli syarikat koperatif itu sendiri dan kadang-kadang ahli-ahli koperatif boleh jadi meluat bila memandang keadaan setengah-setengah pegawai yang datang ke kampung-kampung iaitu kononnya hendak memeriksa, hendak menunjukkan itu dan ini

tetapi selera ahli-ahli syarikat dan koperatif di kampung-kampung dan di luar-luar bandar tidak dapat diterima oleh selera ahli-ahli sendiri, maka dengan ini menjadi beberapa masaalah apabila ahli-ahli syarikat koperatif di luar bandar dan di kampung-kampung sudah tidak dapat selera hendak menerima nasihat-nasihat daripada pegawai-pegawai yang agak berlainan daripada kehendak ahli-ahli itu maka dengan tidak secara langsung, itulah sebabnya ada setengah koperatif di luar bandar banyak yang terkubur, ada setengahnya yang terkubur tidak ada bernisan sampai sekarang. Tetapi dengan pindaan ini seperti kita semua maklum atas kemajuan melalui syarikat koperatif sahajalah rasa saya bagi pihak kita ahli-ahli bumiputra yang masih jauh di dalam lapangan kemajuan ekonomi ini boleh membawa kepada paras kemajuan yang agak bukan lebih, tetapi kalau betul-betul diamalkan, dilaksanakan cita-cita koperatif ataupun pindaan-pindaan Undang-undang Koperatif yang baharu ini iaitu telah membawa selain daripada kita mengumpulkan orang kita bertani, menggalakkan pertanian dengan secara moden, membawa kepada perusahaan dan indastri di masa hadapan ini. Maka dengan ini, saya sangat mengharap-kan atas perlaksanaan ini supaya semua pegawai koperatif yang diberi tugas pada masa akan datang hendaklah memberi kerjasama dan sesuaikan dengan kehendak iklim setempat ahli koperatif itu. Mudah-mudahan cita-cita koperatif di masa akan datang ini akan mencapai matlamat yang baik dan maju di dalam negara kita yang serba membangun sekarang. Sekian.

3.50 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya sedar dalam perbahasan Rang Undang-undang ini telah banyak Ahli-ahli Yang Berhormat memberi pendapat dan pandangan masing-masing, tetapi saya memikirkan bahawa soal ini adalah soal yang meliputi keseluruhan di peringkat bawah, maka saya hanya ingin hendak menyebutkan perkara-perkara yang menyentuh di peringkat bawahan khususnya secara langsung dalam kawasan saya umpamanya.

Pertama, walupun saya menyedari bahawa Rang Undang-undang yang dibentangkan ini memerlukan pindaan lagi mungkin di masa yang tidak berapa lama lagi, sebab mengikut

pandangan saya ada beberapa perkara yang saya rasa tidak memuaskan hati dan telahpun diberi pandangan oleh rakan-rakan saya dalam Dewan ini juga sama-sama tidak memuaskan hati dan saya yakin dan percaya bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan membuat pindaan seterusnya.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Menteri yang berkenaan atau pihak yang berkenaan menyedari bahawa syarikat-syarikat koperasi yang ditubuhkan, misalnya apa yang ditubuhkan atau digalakkan pada masa-masa yang lepas di Pantai Timur mengenai Syarikat Nelayan yang telahpun kita terima kenyataan-kenyataan walaupun telah banyak wang ataupun pinjaman yang telah diberikan, tetapi rugi, dan setengah-setengahnya sehingga sekarang ini telah terkubur langsung dan ada yang masih hidup pun tidak subur. Saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya difikirkan kembali, diberi galakan dan diberi permodalan yang cukup. Misalnya, kita sekarang semua mengetahui masalah kaum nelayan yang begitu terhimpit dengan masalah kekurangan alat-alat yang sudah tertentu kaum nelayan sekarang ini tidak dapat mengusahakannya atau pun membelinya. Saya menyarankan di sini supaya pihak yang berkenaan berikhtiar menghidupkan kembali syarikat-syarikat koperasi nelayan dan memberi iktiar supaya mereka itu mendapat bot-bot yang besar ataupun kapal-kapal yang boleh mereka itu berusaha di lautan dalam. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, kita harus menginsafi sekarang ini walaupun kita selalu mendengar pihak Kerajaan sendiri sedang berikhtiar hendak mengurangkan nelayan, tetapi sehingga hari ini kalau kita katakan hendak memasukkan mereka itu ke dalam rancangan Felda, tetapi mereka itu masih menunggu dan tidak tahu sampai bila lagi baharu boleh kita hendak masukkan mereka itu ke dalam projek-projek Felda yang boleh mengurangkan kaum nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menghidupkan kembali koperasi-koperasi ini dan memberi modal yang cukup serta kita memberi latihan, bimbingan serta semangat mereka itu untuk berdikari, saya yakin dan percaya mereka itu akan insaf kembali dan mereka itu telahpun mempelajari daripada kejatuhan yang telah sudah walaupun kita percaya bahawa Kerajaan Negeri ini telahpun bersungguh-sungguh pada masa yang lepas dan usaha itu boleh dikatakan tidak

berjaya. Saya harap janganlah putus asa berikhtiar dan teruslah dengan harapan sekarang ini walaupun kaum nelayan, tetapi mereka itu terdiri daripada anak-anak muda kita yang sedikit-sebanyak mendapat didikan dan pelajaran serta mendapat keinsafan. Jadi, saya mengharapkan dengan pindaan ini dapat membuat satu koperasi sekurang-kurangnya di Pantai Timur ada satu atau dua yang boleh mereka itu berikhtiar mengadakan satu koperasi yang besar yang cukup untuk dimodali bagi mendapatkan satu ataupun dua kapal yang boleh setanding seperti kapal-kapal daripada Negeri Siam datang menangkap ikan di laut kita.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang saya nampak di kampung-kampung ialah masalah koperasi. Sepanjang yang saya tahu walaupun modal telahpun diberi, misalnya, kepada syarikat-syarikat kerjasama kilang padi ataupun koperasi peladang yang banyak menyebabkan koperasi ini gagal, yang pertama ialah keinsafan ataupun kesedaran daripada pemimpin-pemimpin setempat. Pemimpin-pemimpin setempat mereka itu apabila diangkat menjadi pengerusi, misalnya, ataupun sebagai setiausahanya atau sebagai orang yang bertanggungjawab di dalam koperasi di kampung-kampung itu, jadi mereka itu mulalah merasa bahawa mereka itu dapat peluang-peluang berasa sedap untuk mencari kepentingan mereka itu sendiri di samping mengusahakan syarikat koperasi.

Saya contohkan di sini, syarikat kerjasama kilang padi, maka dapatlah diusahakan pinjaman ataupun memberi pinjaman kepada syarikat ini membeli padi dan mesin serta menjual beras dan setengah-setengah diberi kemudahan pula oleh LPN mendapatkan lesen-lesen beras. Maka pengurus ini apabila mereka itu menjalankan syarikat ini, mereka itu pandai mengambil kesempatan, mungkin diajar oleh taukeh-taukeh besar yang hendak dijual beras itu. Kalau beras ini patut hendak dijual \$65, berundinglah dia supaya syarikat mahu menerima harga \$65 ataupun \$64 dapatlah kepada pengurus itu sendiri \$1 atau \$1.50. Jadi, perkara-perakara yang seperti ini boleh menyebabkan syarikat itu sendiri yang pertama sekali kurang dapat untung, sepatutnya dijual \$65 tetapi \$64. Di samping itu juga dia menyalurkan, sepatutnya dia dapat memasarkan beras daripada syarikat ini katakanlah 1,000 guni pada satu bulan, maka dia masukkan yang dia sendiri tidak melalui syarikat 200 ataupun

300 guni. Jadi, benda ini saya rasa bukan lagi menjadi rahsia ataupun sudah menjadi rahsia umum, semua orang tahu.

Dalam soal ini saya suka lah mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan iaitu tidak ada jalan lain untuk melicinkan masaalah ini, sebab kalau kita hendak tangkap mereka itu amatlah susah sekali, sebab mereka telah dipercayai oleh syarikat yang tertentu. Kalau kita hendak berhentikan mereka itu, maka kita lantik orang lain, orang lain pun akan buat kerja yang seperti itu juga. Saya hanya mengharap kan kepada pihak yang tertentu ataupun pihak yang berkenaan supaya mengambil berat benar-benar yang pertama sekali memerhatikan kerja-kerja pengurusan syarikat kampung-kampung.

Yang kedua, saya merayulah kepada pihak yang berkenaan supaya membanyakkan kursus-kursus ataupun memberi kesedaran-kesedaran kepada pemimpin-pemimpin ini supaya mereka itu bertanggungjawab terhadap diri mereka dan terhadap syarikat mereka. Kalau kita tidak memberi kesedaran, tidak memberi rasa tanggungjawab, tidak memberi kesedaran keimanan yang mereka itu boleh sedar yang mereka lakukan sedemikian rupa, yang pertama merugikan syarikat mereka itu sendiri, yang kedua mereka itu membuat satu tanggungan atau satu dosa yang besar yang mereka itu mesti tanggung sendiri. Di samping itu, kita hendaklah memberi kesedaran keugamaan kepada mereka. Sebab saya tidak nampak satu cara lain yang boleh mereka itu rasa tanggungjawab sendiri. Sebab kalau keinsafan sendiri tidak timbul, tidak terbit daripada pemimpin-pemimpin ini, saya yakin dan percaya sebanyak mana Kerajaan mengeluarkan wang, sebanyak mana memberikan wang kepada mereka itu bagi menguruskan, maka lambat-laun syarikat-syarikat itu akan mati, cuma kalau diberi banyak maka lambat sedikit mati syarikat itu, kalau diberi sedikit, cepat sedikit mati, syarikat tersebut.

Saya saksikan sendiri beberapa syarikat-syarikat. Tuan Yang di-Pertua, yang mendapat pinjaman \$50,000 atau lebih misalnya. Satu tahun atau satu musim padi, syarikat ini telah lingkup dengan bermacam-macam cara daripada membeli padi, dari penjualnya dan bermacam-macam cara. Ini bukan kerana mereka itu tidak sedar atau tidak tahu, tetapi

semata-mata mereka itu mengambil kesempatan di atas perlantikan mereka itu sebagai orang yang bertanggungjawab di syarikat itu.

Di samping itu, saya merayu kepada pihak yang berkenaan supaya lebih kerap datang kepada syarikat-syarikat yang mendapat pinjaman yang banyak untuk memeriksa kira-kira mereka itu. Sebab saya tahu kalau masa lalu ada setengah-setengah syarikat itu sampai setahun atau dua tahun pun tidak selesai kira-kira mereka. Selepas daripada selesai kira-kira itu maka didapati lah wang beribu-ribu ringgit ataupun berpuluh-puluh ribu ringgit tidak diketahui hujung-pangkal, tidak masuk ke dalam kira-kira. Akhirnya, tindakan yang telah diambil hanyalah sekadar memberhentikan mereka itu dan dilantik orang lain. Kesudahannya syarikat itu dipegang oleh orang lain. Dua tiga bulan berjalanlah dengan betul, selepas sudah itu mula hendak buat duit. Jadi, saya berharap kan supaya orang-orang yang melakukan jenayah yang seperti ini diambil tindakan yang sewajarnya kalau patut dibawa ke mahkamah, bawa ke mahkamah dan sebagainya supaya orang lain yang mengantikan nya kelak berasa takut, hendak melakukan kesalahan-kesalahan yang serupa itu.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ialah masaalah latihan kepada ahli-ahli Syarikat Kerjasama Koperasi Peladang, misalnya. Walaupun kita pada akhir-akhirnya ini selalu kita terbaca di dalam akhbar ada golongan-golongan yang menggelarkan bahawa buku hijau itu sudah tidak mujarab, sudah tidak bisa, sudah tidak berjaya menjadi penawar dan bermacam-macam, tetapi kita mengharap kan usaha-usaha pertanian ini diteruskan. Jadi, saya berharap kan kepada pihak yang berkenaan supaya lebih banyak lagi melatih ahli-ahli kita supaya mereka itu bekerja dengan betul mengikut peraturan yang diberikan dan mengikut cara-cara yang lebih moden. Kalau kita biarkan sekadar menghadiahkan trektor misalnya ataupun memberikan pinjaman trektor kepada mereka itu mungkin mereka itu sekadar memoden untuk tenggala tanah sahaja, tetapi cara menanam, membaja dan musimnya tidak dimodenkan. Maka faedahnya cuma cepat bekerja, tetapi hasilnya akan mereka itu perolehi lebih kurang serupa sahaja.

Saya tidak menafikan usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu seperti Jabatan Pertanian dan sebagainya, tetapi saya merayu dan saya mintalah

supaya dilipat-gandakan lagi pada masa-masa yang akan datang ini supaya yang pertama sekali memberi lebih banyak kemudahan-kemudahan trektor dan alat-alat moden sekarang ini dan Kerajaan cuba memikirkan supaya dapat memberikan kemudahan-kemudahan kepada mereka itu mendapat baja yang lebih murah dan pasaran yang lebih sesuai. Sebab kadang-kadang kita menggalakkan mereka itu bertanam, maka orang-orang kampung ini bertanamlah melalui kemudahan-kemudahan koperasi dengan bersungguh-sungguh dengan harapan mendapat tawaran harga yang baik. Apabila sampai musim maka harga itu turun sebelum tanaman mereka mengeluarkan hasil. Harganya memang baik seperti hendak tanam kacang tanah melalui Persatuan Peladang ini. Sewaktu menanam harganya memang baik, harganya \$30-\$40 lebih. Sewaktu hasilnya keluar, maka harganya menurun sampai \$18-\$20. Ini merupakan salah satu sebab yang mengecewakan. Jadi saya harap bersungguh-sungguh kepada Kementerian yang berkenaan mengambil berat dan mengesyorkan kepada orang-orang kampung kita untuk memajukan pertanian ini untuk memajukan pertanian ini di atas perkara-perkara ataupun tanaman-tanaman yang boleh menjamin mereka bagi mendapatkan hasil yang memuaskan.

4.06 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab satu persatu daripada pandangan dan syor-syor dan juga cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, saya sukalah memberi sedikit latar belakang dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan pergerakan-pergerakan koperasi.

Apabila gerakan-gerakan koperasi dimulakan di negara ini pada tahun 1922, kegiatan-kegiatan adalah terbatas pada lapangan jimat-cermat dan pinjam-meminjam sahaja. Di sektor desa pula sebilangan kecil petani menubuhkan koperasi-koperasi dalam satu-satu kawasan yang terhad untuk mendapatkan pinjaman kerana kegunaan pertanian.

Selepas perang dunia kedua, berbagai-bagai jenis koperasi telah ditubuhkan pula dengan maksud untuk memasarkan dan memperoses

hasil-hasil pertanian dan untuk membekalkan barang-barang keperluan. Maka tidaklah menjadi perkara luar biasa di mana di dalam satu kawasan yang kecil didapati beberapa badan koperasi yang kecil-kecil menjalankan satu-satu fungsi perniagaan yang tertentu. Dengan keadaan yang demikian maka perkembangan di bidang keahlian dan modal perniagaan adalah amat perlahan-perlahan dan akibatnya pembangunan koperasi itu pada keseluruhannya tidaklah begitu pesat. Pada tahun 1965 bilangan koperasi-koperasi yang berasaskan pertanian yang berjumlah sebanyak 2,443 selepas tahun 1965 tindakan menyatukan koperasi-koperasi tersebut telah dijalankan. Koperasi-koperasi yang tidak viable dan tidak maju telah ditutup. Satu konsep bagi mengadakan koperasi-koperasi serba guna yang bercorak pertanian yang berjalan di dalam satu kawasan yang lebih luas dengan bilangan ahli yang banyak dan modal yang besar dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang mustahak di lapangan jimat-cermat, credit, pemasaran, pemorosesan dan bekalan barang-barang telah digalakkan. Sebanyak 348 koperasi-koperasi jenis tersebut telah ditubuhkan di bawah konsep baru ini.

Pada tahun 1973 dengan kuat kuasa Akta Pertubuhan Peladang semua koperasi yang berasaskan pertanian telah diletakkan di bawah jagaan Lembaga Pertubuhan Peladang. Sebanyak 1,210 pertubuhan-pertubuhan koperasi yang bukan berasaskan pertanian adalah di bawah jagaan Jabatan Pembangunan Koperasi.

Kebanyakan koperasi-koperasi ini terutamanya sekali di kalangan orang makan gaji menjalankan kegiatan-kegiatan mereka di dalam satu kawasan yang luas dengan bilangan anggota yang besar, modal yang cukup, pimpinan yang baik dan pengurusan yang cekap. Faktor-faktor tersebut telah membantu mempercepatkan perkembangan dan mempercepatkan koperasi-koperasi tersebut. Pada tahun-tahun kebelakangan ini banyak daripada koperasi-koperasi ini telah meluaskan lagi aktiviti-aktivitinya di dalam lapangan perdagangan perindustrian.

Koperasi-koperasi yang baru dan besar telah didirikan untuk memasuki bidang-bidang insuran, banking, perumahan, pusat-pusat raya, agensi dan sewa beli, memperbaiki motokar dan juga memiliki ladang. Sebilangan Koperasi-koperasi tersebut telah menubuhkan anak-anak syarikatnya (subsidiary

company), sementara sebilangan yang lain pula memasuki di dalam kegiatan usaha bersama ataupun joint-venture dengan pihak-pihak swasta. Sebaliknya koperasi-koperasi yang bukan berasaskan kepada pertanian yang mana keanggotaannya terdiri daripada mereka yang bukan bekerja makan gaji terus tinggal seperti keadaan dahulu. Koperasi-koperasi tersebut tidak menunjukkan banyak tanda-tanda pembangunan yang sihat terutamanya kerana keadaan operasinya yang terbatas, keahliannya yang terhad, modal yang tidak mencukupi dan kurang penguasaan yang cekap. Untuk membuat koperasi-koperasi tersebut menjadi lebih viable dan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anggota-anggotanya, maka adalah dicadangkan bahawa semua koperasi-koperasi yang demikian di dalam tiap-tiap daerah dicantumkan ke dalam sebuah badan koperasi sahaja yang dinamakan Koperasi Perdagangan dan Perindustrian Daerah Berhad. Percantuman ini akan mengujudkan sebanyak 84 badan koperasi daerah dengan aktiviti-aktivitinya termasuk di dalam bidang-bidang perdagangan, perindustrian, perumahan, pengangkutan, pembangunan tanah, credit, banking, insuran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selepas merdeka gerakan koperasi telah berkembang maju dengan pesatnya. Bagaimanapun banyak lagi perkara-perkara yang boleh dilaksanakan oleh gerakan koperasi. Tempoh perkembangan boleh dipercepatkan lagi sekiranya kelemahan-kelemahan dan kekurangan-kekurangan yang ada di sisi Ordinan Koperasi dapat diperbaiki. Untuk mencapai matlamat tersebut maka pindaan-pindaan kepada Ordinan Koperasi ini telah dibuat sebagaimana yang dibentangkan pada hari ini.

Pada awal tahun ini Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Encik Abdul Ghafar bin Baba telah melantik satu jawatankuasa khas untuk mengkaji Ordinan Koperasi dan membuat cadangan bagi membuat pindaan-pindaan yang sesuai. Jawatankuasa ini adalah mengandungi termasuk wakil dari Angkasa, Perbendaharaan, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan Bank Negara serta Pengarah-pengarah Koperasi daripada Negeri Sabah dan Negeri Sarawak. Ini adalah sesuai dengan kehendak wakil daripada Jasmin tadi supaya kita tidak

mengimpot pakar-pakar daripada luar negeri dan kita boleh dapat menciptakan satu ordinar yang bercorak ala Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan adanya Rang Undang-undang yang mempunyai tujuan bagi memberi peluang yang seluas-luasnya kepada ahli koperasi di dalam beberapa bidang perusahaan dan perdagangan adalah diharap kemajuan pesat akan dapat dicapai oleh koperasi-koperasi ini di masa yang akan datang.

Bagi menjawab pandangan-pandangan, serta cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memberi jawapan dengan secara kumpulan oleh kerana di antara hujjah-hujjah Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam membahaskan Akta ini banyak yang bersamaan. Di sini saya suka memulakan bagi menjawab pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, Arau dan juga Baling yang mana beliau bimbang jika sekiranya Pegawai Daerah menjadi Pengerusi Koperasi ditiap-tiap daerah akan mengganggu kewajipan yang ditanggung oleh Pegawai-pegawai Daerah itu.

Sebenarnya Pengerusi Koperasi-koperasi Daerah ini akan dipilih daripada ahli-ahli Lembaga Pengarah di dalam daerah itu dan ahli-ahli Lembaga Pengarah ini akan dipilih di dalam Mesyuarat-mesyuarat Agong yang akan diadakan di dalam daerah itu. Oleh kerana itu kebimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat ini tidaklah timbul oleh kerana Pengerusi Lembaga Pengarah Koperasi di tiap-tiap daerah akan tertakluk dengan keputusan Mesyuarat Agong di dalam daerah itu, apabila diadakan nanti.

Yang keduanya, Ahli Yang Berhormat dari Kangar, Matang dan juga Balik Pulau merasa bimbang jika sekiranya pengeluaran dividen hanya 6% sahaja, ini akan melemahkan semangat ahli-ahli koperasi di dalam menyertai gerakan koperasi. Di sini saya suka memberi penjelasan bahawa koperasi yang ada pada hari ini boleh mengeluarkan dividen sampai 10% ataupun lebih dengan syarat mendapat persetujuan daripada Pendaftaran. Syarat ini terpaksa dibuat adalah dengan tujuan bagi mengkaji keadaan kewangan bagi satu-satu koperasi itu samada mampu ataupun tidak mengeluarkan dividen sehingga 10% ataupun lebih. Oleh yang demikian di atas kebimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat ini tidaklah timbul lagi.

Bagi menjawab Ahli-ahli Yang Berhormat dari Mukah, Kuala Krai, Matang dan juga Petaling yang mana beliau telah mencadangkan supaya Maktab Kerjasama dapat memberi latihan kepada pemimpin-pemimpin koperasi di dalam bidang pengurusan ilmu perniagaan untuk memberi pimpinan kepada koperasi-koperasi daerah.

Perkara ini sebenarnya telahpun dijalankan oleh Maktab Kerjasama sehingga hari ini beberapa kursus telah diadakan yang mengikut mata-mata pelajaran pengurusan perniagaan, book-keeping, kira-kira, undang-undang koperasi, marketing dan juga lain-lain telah diadakan oleh Maktab ini dan kursus-kursus ini adalah diberikan kepada semua pegawai-pegawai koperasi yang diberi tugas di seluruh negara dan juga kepada Pengarah-pengarah Koperasi, pemimpin-pemimpin koperasi di peringkat kampung dan juga peringkat daerah. Oleh itu di atas cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu memang telahpun dijalankan dan dilaksanakan oleh Kementerian ini.

Bagi menjawab Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, Kangar, Mukah, Kuala Selangor, Kuala Krai, Matang, Jerlun-Langkawi, Sungai Siput, Balik Pulau, Setapak, Dungun, Jerai, Sungai Petani dan Ledang serta Arau yang baru bercakap petang tadi, beliau telah memberi pandangan berkenaan dengan penyatuan koperasi-koperasi di peringkat daerah. Berkenaan dengan penyatuan ini pihak Jabatan Pembangunan Koperasi di Kementerian ini sebelum mengadakan sebarang penyatuan di daerah-daerah, pegawai-pegawai akan mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan semua ahli-ahli koperasi di dalam daerah itu bagi mengadakan ceramah, mengadakan dailog dan memberi penerangan-penerangan kepada ahli-ahli koperasi di dalam sesuatu daerah.

Setelah mereka berpuas hati dan faham di atas prinsip-prinsip penyatuan yang akan dijalankan di dalam daerah itu dan setelah ditaksirkan semua harta-benda dan tanggungan koperasi-koperasi yang bergabung di dalam satu daerah itu dan telah diterima oleh mereka, barulah penyatuan ini diwujudkan. Kerana telah menjadi dasar Kementerian ini, kita tidak akan memaksa kepada sesiapa juga untuk bercantum jika sekiranya mereka tidak memahami konsep-konsep penyatuan dan tidak mendapat persetujuan daripada mereka. Oleh yang demikian, soalan penya-

tuan koperasi-koperasi di peringkat daerah tidaklah akan membimbangkan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sukar memberikan jaminan di dalam Dewan ini bahawa sebarang perjumpaan yang akan dibuat oleh Pegawai-pegawai Pembangunan Koperasi dari Ibu Pejabat, Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Wakil-wakil Rakyat yang berkenaan akan dijemput sama hadir untuk menimbangkan kebaikan bagi penyatuan koperasi-koperasi di kawasan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang, Kuala Selangor, Jerlun-Langkawi, Sungai Siput, Setapak, Sungai Petani, Ledang yang menyatakan kebimbangan beliau ini jika ada sebarang penyelewengan yang berlaku ke atas ahli-ahli Lembaga Pengarah ataupun Pegawai-pegawai di dalam Kementerian ini yang menjalankan tugas-tugas mereka. Di atas perkara ini, saya suka memberi penjelasan jika sekiranya ada sebarang penyelewengan yang dilakukan oleh Pegawai-pegawai Koperasi yang ditugaskan di kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat, silalah sampaikan laporan dengan seberapa segera kepada Ketua Pengarah Pembangunan Koperasi ataupun kepada saya ataupun Yang Berhormat Encik Abdul Ghafar bin Baba, Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar sendiri untuk dijalankan siasatan dan diambil tindakan. Tetapi jika sekiranya penyelewengan itu berlaku kepada Pengarah-pengarah yang dipilih di dalam Mesyuarat Agung, maka saya berharap supaya Ahli-ahli Yang Berhormat juga dapat bersama-sama membetulkan Pengarah-pengarah ini supaya perjalanan koperasi di peringkat-peringkat daerah akan dapat berjalan baik dan sempurna. Jika sekiranya pihak-pihak Pengarah-pengarah yang menyeleweng ini tidak dapat diperbaiki, maka ini terpulanglah kepada ahli-ahli koperasi di dalam daerah itu sendiri untuk menurunkan mereka ini daripada Lembaga Pengarah di dalam Mesyuarat Mesyuarat Agung.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai bagi masaalah umur 18 tahun yang mana beliau menyatakan menyekat peluang murid-murid sekolah bagi menyertai perkembangan koperasi, di sini saya suka menyatakan bahawa undang-undang yang ada sekarang memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri mengecualikan segala syarat-syarat pendaftaran kelayakan untuk menyertai koperasi seperti had umur 18

tahun. Di dalam Jabatan Pembangunan Koperasi murid-murid sekolah yang telah digalakkan menyertai koperasi-koperasi sekolah menengah dikecualikan daripada syarat-syarat yang tersebut. Pada masa ini ada sebanyak 119 buah koperasi-koperasi sekolah menengah telah ditubuhkan di dalam Semenanjung Malaysia dan koperasi-koperasi ini pada masa ini sedang bergerak maju dan memuaskan. Kebanyakan koperasi-koperasi ini telah menjalankan perniagaan di dalam kawasan sekolah dan menyediakan kegiatan-kegiatan bagi mengadakan kemudahan-kemudahan dan keperluan-keperluan sekolah seperti kantin, alatan-alatan persekolahan dan lain-lain lagi yang mana di dalam koperasi-koperasi sekolah ini dipimpin oleh guru-guru di sekolah tersebut dan juga dianggotai oleh murid-murid sekolah yang tersebut. Di sini saya suka menyampaikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama di atas perkembangan koperasi di peringkat sekolah-sekolah. Tujuan koperasi-koperasi sekolah ini ialah untuk menarik minat murid-murid sekolah supaya mereka memahami konsep-konsep koperasi dan juga dapat mendorong mereka di dalam bidang perniagaan, dengan tujuan apabila mereka dewasa kelak keluar daripada sekolah mereka akan dapat mengambil bahagian cergas di dalam bidang perniagaan dan perusahaan serta tidak menumpukan semata-mata hidup mereka ini kepada pegawai-pegawai Kerajaan sahaja.

Bagi menjawab pendapat Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi, beliau mengesyorkan supaya koperasi-koperasi yang cepak sahaja mesti disokong dan yang lemah hendaklah ditutup. Ini pendapat beliau adalah sesuai dengan Akta yang sedang kita bahaskan pada hari ini dan inilah sebabnya kita naikan jumlah ahli-ahli satu-satu koperasi daripada sekurang-kurangnya 10 orang kepada 100 orang koperasi-koperasi yang lemah inilah yang menyebabkan kegagalan koperasi-koperasi di kampung-kampung.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi, Dungun, Jerai, Bau/Lundu meminta supaya koperasi-koperasi ini diberi peruntukan kewangan. Di sini saya suka memberi penjelasan buat masa ini Jabatan Pembangunan Koperasi belum dapat menyediakan apa-apa peruntukan kewangan. Apa yang diharapkan buat sementara waktu supaya kita dapat menyatukan segala tenaga koperasi di dalam satu-satu daerah

dan dapat menyatukan segala tenaga kewangan di dalam satu-satu daerah dan dapat menyediakan projek-projek yang difikirkan boleh maju dan memberi keuntungan di dalam satu-satu daerah. Jika sekiranya koperasi-koperasi daerah ini dapat mengadakan projek-projek yang "viable", saya berpendapat masalah kewangan tidak menjadi soal. Oleh kerana adanya beberapa Institusi-institusi kewangan di dalam negara kita akan dapat memberi pertolongan dengan syarat projek-projek yang dikemukakan kepada institusi itu adalah boleh mencapai kemajuan dan memberi keuntungan kepada ahli-ahlinya.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, Ledang dan Jasin; koperasi-koperasi yang pada masa ini maju tetapi bilangan ahlinya tidak sampai 100 orang supaya diberi peluang menambah ahli dan beliau berharap Akta ini tidak akan mengganggu perjalanan koperasi yang serupa ini. Di atas perkara ini saya suka memberi jaminan bahawa Akta ini tidak akan mengganggu koperasi-koperasi yang maju walaupun ahli-ahlinya tidak sampai 100 orang dan koperasi-koperasi yang serupa ini adalah diberi peluang untuk menambah ahli-ahlinya supaya sesuai dengan Akta yang ada dihadapan kita pada hari ini.

Kepada rayuan Ahli Yang Berhormat dari Bau-Lundu yang menyatakan bahawa di kawasan Sarawak tempatnya sangat jauh dan tidak mempunyai projek yang baik dan susah hendak mengumpulkan sebanyak 100 orang. Perkara ini Yang Berhormat Menteri ada kuasa untuk mengecualikan daripada kawasan-kawasan yang tersebut.

Bagi menjawab Ahli-ahli Yang Berhormat dari Matang, Sungai Siput, koperasi-koperasi yang tidak mengadakan Mesyuarat Agung disebabkan Juru-juru Odit tidak dapat menyelesaikan tugasnya, di atas perkara ini saya suka memberi penjelasan beberapa sebab dan masalah yang menyebabkan Juru-juru Odit ini tidak dapat menjalankan tugasnya ialah disebabkan tidak ada mempunyai simpanan kira-kira yang betul disimpan di dalam koperasi-koperasi yang tersebut. Ini ialah disebabkan kelemahan-kelemahan yang ada di dalam pengurusan koperasi-koperasi yang kecil-kecil yang dipimpin oleh orang-orang yang tidak mempunyai pengalaman dan pengetahuan. Maka itulah sebabnya yang mendorong pihak Jabatan Pembangunan Koperasi supaya koperasi yang lemah yang

tidak dapat menjalankan pengurusan dengan sempurna dapat disatukan menjadi koperasi daerah dan diberi pimpinan yang baik dan sempurna.

Berhubung dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau supaya koperasi-koperasi diberi keutamaan di dalam mendapatkan lesen-lesen teks, bas dan saham-saham yang maju, saya suka mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan ini. Saya mempunyai keyakinan yang penuh jika sekiranya kita dapat menyatukan tenaga-tenaga koperasi ini dijadikan lebih besar dan lebih kuat, maka pihak Jabatan Pembangunan Koperasi akan dapat berunding dengan Kementerian-kementerian yang berkenaan bagi mendapatkan keutamaan di dalam perniagaan-perniagaan yang seperti ini.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Baling yang mengatakan bahawa Rang Undang-undang ini adalah baik daripada segi teori sahaja tetapi tidak dapat dilaksanakan dan Akta ini tidak dikaji dengan secara mendalam. Saya suka memberi jawapan bahawa sebelum lagi Akta ini dibawa di dalam Dewan ini Yang Berhormat Menteri telahpun melantik satu Jawatankuasa yang difikirkan orang-orang yang pakar di dalam konsep-konsep koperasi dan mempunyai pengalaman dan pengetahuan di dalam pentadbiran. Di antara yang dilantik sebagai mana yang saya sebutkan tadi ialah mengandungi ANGKASA, daripada Perbendaharaan, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Bank Negara, Pengarah-pengarah Koperasi daripada Sabah dan juga Sarawak. Oleh kerana itu tuduhan Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa tidak ada kajian secara mendalam adalah tidak benar. Walau bagaimanapun untuk melaksanakan Akta ini tidaklah bergantung kepada apa yang bertulis di dalam Akta ini sahaja. Di dalam pelaksanaan ini kerjasama daripada semua pihak adalah sangat-sangat diperlukan terutamanya daripada Ahli Yang Berhormat itu sendiri.

Berkenaan dengan sokongan doa dari Ahli Yang Berhormat dari Jerai, saya menyambut dengan ucapan Alhamdulillah, mudah-mudahan Tuhan akan memberi taufik dan hidayah kepada kita supaya doa Yang Berhormat ini makbul dan dapat mengubah sikap amanah, ikhlas, bijak di dalam pengurusan perniagaan dan maju jaya.

Pada keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat telahpun memberikan sokongan yang penuh kepada Akta ini dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan mengharapkan kerjasama yang sepenuh-penuhnya daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya undang-undang ini akan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kerana dengan undang-undang ini sahaja tidak dapat memberi apa-apa faedah, jika sekiranya perlaksanaannya tidak dapat dijalankan. Dan jika sekiranya pelaksanaan dapat dijalankan tetapi tidak ada sambutan daripada ahli-ahli koperasi sendiri juga tidak ada memberi apa-apa kesan dan matlamat yang ditujukan. Oleh yang demikian maka saya berharap kita akan mendapat kerjasama daripada tiga pihak. Pihak yang pertama adalah pihak yang membuat dasar iaitu kita semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini dan pihak yang kedua ialah pihak yang melaksanakan dasar iaitu pegawai-pegawai dan pemimpin-pemimpin koperasi dan pihak yang ketiga ialah pihak yang menyambut dasar iaitu ahli-ahli koperasi sekalian.

Dengan adanya kerjasama tiga pihak, saya mempunyai keyakinan yang penuh bahawa perkembangan koperasi dimasa akan datang lebih cerah dan maju jaya. Walau bagaimanapun memandangkan ramainya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini adalah merupakan satu alamat yang baik dan harapan gilang-gemilang perkembangan koperasi di dalam negara di masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mempengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 3 diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 4—

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya dipinda Fasal 4 seperti yang telah dihantar kepada Tuan Pengerusi semalam.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Menurut Peraturan Mesyuarat 57 (2) notis telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling untuk membuat beberapa pindaan. Satu daripadanya ialah Fasal 4. Sila.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan dipinda:

Fasal 4—

Section 3A (a) substitute after the word “person” the word “Registrar” appearing in subsection (1) thereof the words “Registrar-General”.

Section 3A (2) of the Ordinance is hereby amended by substituting the word “Registrar” appearing thereof the words “Registrar-General”.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 4 diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 5 diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 6—

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan dipinda:

Fasal 6—

Section 5 (4) of the Ordinance is hereby amended by substituting the word “Registrar” appearing thereof the words “Registrar-General”.

Tuan Pengerusi, tadi saya ada mencadangkan Fasal 4 dipinda dan malangnya telah ditolak.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Keputusan telah dibuat, jikalau boleh dalam ucapan Yang Berhormat tidak usah disebutkan lagi.

Tuan Oh Keng Seng: Terima kasih. Saya suka memberitahu Dewan ini bukan saya mencadangkan pindaan-pindaan tetapi pandangan saya ialah jikalau satu Rang Undang-undang tidak complete, tidak sesuai atau ada loop-hole patutlah Ahli-ahli Yang Berhormat bertanggungjawab.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Yang Berhormat, sila duduk. Apa yang dijadikan perbincangan kita satu-persatu sekarang ialah

Fasal 6. Sila tujukan pindaan yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat kepada Fasal 6, itu sahaja.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Tuan Pengerusi tadi, tetapi pandangan saya ialah lebih sesuai kalau saya dibenarkan memberi sedikit penjelasan apa sebabnya saya mencadangkan supaya dipinda fasal-fasal itu. Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat tidak faham atau tidak membaca Rang Undang-undang itu dan dengan sebab itu, saya bercadang dan saya berharap supaya cadangan saya itu mendapat sokongan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 6 diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 7 hingga 9—

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya dipinda:

Fasal 7—

Section 6 (1) of the Ordinance is hereby amended by substituting the word “Registrar” appearing thereof the words “Registrar-General”.

Section 6 (3) of the Ordinance is hereby amended by substituting the word “Registrar” appearing thereof the words “Registrar-General”.

Fasal 8—

Section 7 of the Ordinance is hereby amended by substituting the words “Registrar” appearing thereof the words “Registrar-General”.

Section 9 of the Ordinance is hereby amended by substituting the word “Registrar” appearing thereof the words “Registrar-General”.

Fasal 9—

Section 10 (2) (3) and (5) of the Ordinance is hereby amended by substituting the words “Registrar” appearing thereof the words “Registrar-General”.

Pindaan di kemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 7 hingga 9 diperintah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 10 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 11—

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya dipinda:

Fasal 11—

Section 11 and 11A of the Ordinance is hereby amended by substituting the words "Registrar" appearing thereof the words "Registrar-General".

Section 23 of the Ordinance is hereby amended by substituting the word "Registrar" appearing thereof the words "Registrar-General".

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 11 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 12 hingga 15 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 16—

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan dipinda:

Fasal 16 Section 30 (3) of the Ordinance is hereby amended by changing the number Section 30 (3) thereof the number Section 30 (2).

Kalau pindaan kepada section ini pun ditolak, saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat ada sedikit masalah.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 16 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 17 hingga 27 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 28—

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan dipinda:

Fasal 28 Section 44 (2) of the Ordinance is hereby amended by substituting the number (2) thereof to (1).

Tuan Pengerusi, saya rasa Ahli-ahli Parlimen tidur di dalam Dewan ini.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila duduk!

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, saya rasa tak boleh seorang Ahli Yang Berhormat menuduh bahawa kami ini tidur di sini. Saya minta supaya Ahli Yang Berhormat menarik balik tuduhannya itu.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ia sudah keluar dengan sendirinya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, adakah Dewan ini menolak pindaan Fasal 28 tadi?

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

Fasal 28 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 29—

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, rakan saya tidak mahu kemukakan pindaan ini. Saya ada satu pertanyaan sahaja yang menghairankan saya, iaitu kenapa cadangan-cadangan untuk pindaan daripada segi istilah legality tidak dapat penerangan daripada Menteri yang berkenaan bahawa adakah tepat atau tidak tepat, kita dapati diam-diam sahaja dan berapa kali pindaan nampaknya dia tak faham Rang Undang-undang itu. Apa yang kita mahu ialah satu keterangan, adakah itu tepat atau adakah sesuai. Nampaknya dia tidak faham, dia tidak layak jadi Menteri.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya beri peluang kepada Yang Berhormat Menteri menjawab tuduhan itu.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Pengerusi, saya minta ditarik baik perkataan yang telah diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tarik balik, oleh kerana saya percaya dia tidak layak, tidak ada keterangan langsung, diam-diam sahaja.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Pengerusi, di dalam Dewan ini semua Ahli-ahli Dewan dapat mendengar di dalam penjelasan yang saya beri dalam masa membentangkan Rang Undang-undang ini

dan semua Ahli Dewan telahpun faham apa yang telah saya katakan, hanya segelintir sahaja Ahli-ahli Parlimen yang tak mahu faham dan tak mahu tahu apa yang telah dibentangkan di dalam Dewan ini cuba membuat pindaan-pindaan dalam Dewan ini sambil membuat berbagai tuduhan. Saya nampak segala pindaan-pindaan yang dibuat itu adalah semuanya telah ada di dalam Rang Undang-undang ini. Jadi, oleh kerana itu kita tidak perlu hendak memberi jawapan kepada orang-orang yang tak mahu faham.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Pengerusi, saya minta izin, oleh sebab ada penjelasan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya suka menarik perhatian Dewan ini supaya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu mempunyai budi bahasa ataupun tata-susila supaya menarik balik apa yang disebutkan pada awal tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya suka menerangkan iaitu apa yang saya buat, saya tidak akan presume perkara ini. Saya tidak tarik balik.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Pengerusi, minta Dewan ini mengambil ketetapan mengikut Jawatankuasa Tata tertib.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya berharap dalam kita membincangkan perkara-perkara dalam Majlis yang mulia ini ada hormat-menghormati di antara satu sama lain. Tadi ada permintaan daripada Timbalan Menteri, menurut bagaimana pandangan saya supaya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menarik balik kata-kata yang telah dikatakannya tadi. Jadi adakah Ahli dari Kota Melaka masih tegas dengan pendiriannya dalam hal ini?

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, apa saya kata adalah pandangan saya daripada sikap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dalam beberapa pindaan yang sangat simple dan technical. Apa yang kita perlu ialah

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Soalan saya adakah Ahli Yang Berhormat hendak menarik balik perkataan tadi atau tidak? Itu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Apakah perkataan yang dikatakan menjadi subject of controversy, bolehkah saya dapat satu panduan?

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila terangkan.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Perkataan yang disebut itu ialah dua perkataan "Tidak layak" jadi Menteri. Itu sahaja perkataannya yang saya minta ditarik balik oleh sebab dalam masa menjelaskan pindaan Undang-undang ini, Tuan Pengerusi lebih bijaksana tidakpun minta penjelasan daripada pihak Menteri. Jadi tidak ada sebab tuduhan-tuduhan itu hendak dibuat terhadap Menteri yang berkenaan. Jadi perkataan itu sahaja minta ditarik balik, iaitu perkataan "tidak layak".

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Jadi, Ahli Yang Berhormat, adakah perkataan yang dikatakan itu hendak ditarik balik; sekarang sudah mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu perkataan "tidak layak jadi Menteri".

Tuan Lim Kit Siang: Apabila saya membuat

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, saya bertanya adakah hendak tarikh balik atau tidak? Itu sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada kata masa saya buat teguran itu, saya ada memberikan sebab saya membuat teguran itu dan dalam pandangan saya "tidak layak jadi Menteri" bukan unparliamentary dan sebab itu saya tidak tarik balik.

Tan Sri Syed Ja'afar Albar: Perkataan yang digunakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka adalah unparliamentary, tidak layak disebut dalam Dewan seumpama ini. (*Disampuk*). Pada pandangan saya unparliamentary

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, sila duduk dahulu!

Tan Sri Syed Jaafar Albar: Saya belum habis lagi.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat, adakah Ahli Yang Berhormat ini bercakap memberikan penjelasan atau penerangan dan mengikut peraturan yang mana?

Tan Sri Syed Ja'afar Albar: Memberi penjelasan berkenaan tutur kata yang tidak layak digunakan di dalam Dewan ini dan perkara ini di tangan Yang di-Pertua, perintahkan Ahli Yang Berhormat itu tarik balik—and finish with it.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, on a point of order. Kalau Ahli Yang Berhormat itu tidak tahu, suruh dia duduk.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Sila duduk! Ahli-ahli Yang Berhormat, perkara-perkara berkenaan dengan tata-tertib hendaklah dibawa dalam masa bersidang dalam Majlis dan sekarang saya putuskan sahaja soal ini dibangkitkan dalam masa bersidang dalam Majlis. Sekarang kita teruskan dengan Fasal-fasal di bawah Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita.

Fasal 29 hingga 39 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN SENI MEMPERTAHANKAN DIRI

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.55 ptg.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Rais bin Yatim): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri, 1975 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan Seni Mempertahankan Diri ataupun "Martial Arts" telah berkembang dengan pesat di negara ini samada sebagai kegiatan yang bertujuan untuk memperolehi kepakaran bermain ataupun bagi tujuan-tujuan perdagangan. Walau bagaimanapun, sehingga ini belum ada sebuah badan yang efektif atau dapat memberi perhatian atau bimbingan terhadap

kegiatan-kegiatan pertubuhan ini. Dari perkembangan ini maka timbullah beberapa keadaan yang mana di antaranya:

- (1) Tertubuhnya pertubuhan atau persatuan-persatuan seni mempertahankan diri di merata-rata tempat yang mempunyai tujuan

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Point of order?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Ya, point of order. Saya suka menarik perhatian tentang apa yang telah berlaku tadi nampaknya perkara itu habis begitu sahaja. Perkara yang telah berlaku tadi yang mana salah seorang daripada Ahli Dewan ini telah melanggar Peraturan 36 (4) tetapi nampaknya perkara itu tidak ada lanjutan daripada ini. Saya suka hendak mendapat ruling daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Perkara yang mana?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Semasa kita membincangkan pindaan kepada Rang Undang-undang Syarikat Koperatif tadi salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat di Dewan ini telahpun melakukan kesalahan di bawah Peraturan 36 (4) yang mana Yang Berhormat Timbalan wakil Menteri telah membangkitkan masalah ini untuk Ahli Yang Berhormat itu menarik balik, tetapi nampaknya Ahli Yang Berhormat enggan, dan nampaknya perkara itu telah habis begitu sahaja. Saya suka mendapatkan ruling daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Ahli Yang Berhormat, perkara itu tidak habis begitu sahaja. Seperti yang saya katakan tadi perkara yang telah berlaku itu akan dibincangkan dalam masa bersidang dalam Majlis. Sekarang kita teruskan dahulu berkenaan dengan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang dan dalam Majlis kita pada hari ini juga kita akan ambil tindakan berkenaan dengan perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan sebelum kita pergi kepada Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya minta perkara ini kita putuskan di dalam Majlis ini sebelum kita membentangkan Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri.

Tuan Ngan Siong Hing: Saya harap Ahli Yang Berhormat itu sila duduk dan jangan bising membuang masa kita di Dewan ini sahaja.

Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop: Saya harap dalam persidangan kita dalam Majlis ini seperti yang saya katakan tadi kita ada hormat-menghormati antara satu dengan lain dan saya harap tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengeluarkan pandangan-pandangan seperti yang dibuatkan tadi. Pada masa sekarang kita sedang berbincang berkenaan dengan satu Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita. Seperti yang telah saya katakan kepada Ahli Yang Berhormat perkara yang berbangkit tadi akan dibangkitkan dalam mesyuarat kita pada hari ini juga dan sekarang kita teruskan perbincangan kita berkenaan dengan Rang Undang-undang ini. Sila, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua,

- (1) Tertubuhnya pertubuhan atau persatuan-persatuan seni mempertahankan diri di merata-rata tempat yang mempunyai tujuan dan cara pergerakan yang berbeza antara satu dengan yang lain walaupun dari jenis yang sama. Selain daripada keadaan ini juga didapati bahawa pertubuhan-pertubuhan ini tidak teratur baik dari segi organisasi mahupun dari segi kegiatan-kegiatan mereka.

Oleh kerana adanya berbagai pertubuhan bagi tiap-tiap jenis seni mempertahankan diri maka timbullah berbagai masalah terutama sekali tentang hak-hak mewakili kepertandingan antarabangsa atau menerima jemputan-jemputan atau lawatan-lawatan rasmi dari pertubuhan-pertubuhan luar negeri.

- (2) Didapati penyertaan dalam kegiatan-kegiatan seperti latihan-latihan dan kursus-kursus adalah terlalu bebas iaitu tanpa dikenakan sebarang syarat atau penyasatan terhadap latar belakang ahli-ahli dan peminat-peminat sesuatu seni mempertahankan diri itu. Oleh yang demikian, latihan-latihan dengan bebas disertai oleh golongan-golongan jahat bagi menjalankan kegiatan jenayah mereka. Kegiatan-kegiatan seperti ini sudah tentu akan berupa bahaya besar dari segi keselamatan negara kerana ianya memberi peluang dan kesempatan kepada penjahat-penjahat atau penjenayah-penjenayah untuk terus bermaharajalela dan menggunakan seni mempertahankan diri masing-masing sebagai topeng dan saluran bagi tujuan-tujuan khianat mereka yang tertentu.

- (3) Didapati ramai jurulatih dan pengajar-pengajar dari luar negeri yang dijemput oleh persatuan-persatuan seni mempertahankan diri secara sendirian dan bebas menjalankan latihan-latihan dan kursus-kursus di merata-rata tempat serta mengenakan bayaran yang tinggi pula kepada orang ramai.

Di samping menggunakan peluang-peluang ini untuk mengumpul wang jurulatih asing ini juga telah menimbulkan beberapa masalah khususnya kesan-kesan buruk yang dibawa masuk dari negeri masing-masing.

Memandangkan keadaan ini maka amatlah sesuai dan perlu diadakan satu Akta Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri yang akan bertanggungjawab untuk mengikuti, menasihati, menyelaras dan seterusnya mengawal perkembangan kegiatan-kegiatan mereka supaya sesuai dengan dasar dan undang-undang negara. Majlis penasihat yang akan ditubuhkan di bawah Akta ini akan terdiri dari beberapa orang ahli yang berminat dan berpengalaman dalam kegiatan seni mempertahankan diri yang akan dapat pula membuat kajian mengenainya dari masa ke semasa dan seterusnya menasihatkan Kerajaan dalam hal-hal yang berhubung dengan kegiatan seni mempertahankan diri.

Akta ini juga mengandungi peruntukan-peruntukan yang menentukan supaya pertubuhan-pertubuhan bagi setiap jenis seni

mempertahankan diri disatukan sebagai pertubuhan-pertubuhan tunggal yang akan memberi lapuran mengenai kegiatan dan keanggotaannya dari masa ke semasa. Rang Undang-undang ini juga adalah dicadangkan bagi tujuan antara lain supaya perkara-perkara seperti tenaga pengajar, jurulatih-jurulatih sesuatu seni mempertahankan diri, pelajar-pelajar yang menganggotainya, tempat-tempat sesuatu seni mempertahankan diri itu diajar adalah dikawal dan dibuat peraturannya dengan kemas serta sistematis.

Selain daripada itu maka penubuhan majlis ini akan dapat memberi sumbangan yang berfaedah terutama kepada Kerajaan dan seterusnya terhadap perkembangan seni mempertahankan diri itu sendiri dalam menghasilkan beberapa objektif seperti berikut:

- (1) Membolehkan Kerajaan sentiasa mengikuti, mengkaji serta menentukan bahawa kegiatan-kegiatan pertubuhan seni mempertahankan diri sesuai dengan undang-undang dan keperluan negara.
- (2) Untuk merekod dan menyusun semula kegiatan-kegiatan pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri dengan didaftarkan semula di bawah bidang kuasa pendaftar pertubuhan-pertubuhan.
Pendaftar Pertubuhan-pertubuhan adalah juga sebagai pendaftar pertubuhan seni mempertahankan diri di bawah Akta yang dicadangkan ini.
- (3) Menubuhkan pertubuhan-pertubuhan kebangsaan bagi setiap jenis seni mempertahankan diri untuk menyelaras segala kegiatan-kegiatan seperti pertunjukan-pertunjukan, pertandingan antarabangsa termasuk pertandingan-pertandingan yang diadakan diperingkat negeri.
- (4) Menggalak dan memajukan seni mempertahankan diri melalui rancangan-rancangan yang tersusun dan sesuai dengan kehendak pembangunan negara.
- (5) Menghindarkan tertubuhnya kumpulan-kumpulan seni mempertahankan diri yang malitan dan yang mungkin merbahaya kepada masyarakat sekeliling.
- (6) Untuk membolehkan peminat-peminat dan pembimbing-pembimbing seni mempertahankan diri bersama-sama

menyumbang peranan mereka masing-masing dengan memberi pandangan dan panduan supaya seni mempertahankan diri itu dapat dimaju dan disesuaikan dengan kehendak negara.

Akta yang dicadangkan ini akan memberi peluang kepada Kerajaan untuk menyatu, menyelaras dan mengawas kegiatan-kegiatan pertubuhan seni mempertahankan diri sejajar dengan dasar Kerajaan di samping memajukannya sebagai suatu kegiatan yang sihat di kalangan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.07 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk memberikan pandangan saya ke atas Rang Undang-undang yang dinamakan Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri, 1975, iaitu suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi penubuhan Majlis Penyelarasan Seni Mempertahankan Diri, pendaftar pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, seni mempertahankan diri telah menjadi sangat popular di dalam negara kita. Saya percaya dalam masa dua decade yang silam beratus-ratus pertubuhan yang memberikan ajaran dalam seni mempertahankan diri telah ditubuhkan di dalam negara kita. Dalam masyarakat moden sekarang ini, anak-anak muda sebilangan besar dari mereka telah tertarik dengan seni itu. Kini negara kita telah banyak mewakili pertandingan-pertandingan seni mempertahankan diri di dalam beberapa buah negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sejak beberapa jenerasi yang silam datuk nenek kita menggunakannya sebagai seni mempertahankan diri tetapi dalam negara di masa ini kadang-kadang tujuannya telah berlainan. Biasanya digunakan untuk tujuan dengki-mendengki di kalangan sebilangan kecil yang mengamalkannya. Di dalam negara kita, kita telah banyak melihat berbagai jenis seni mempertahankan diri. Jenis-jenis yang

diamalkan oleh orang China, Jepun, Korea, Melayu, Indonesia, Thai dan India, telah menjadi sangat popular di masa ini. Tibalah masanya bagi Kerajaan memberikan pandangan untuk mengelolakan dan mendirikan sekolah-sekolah seni mempertahankan diri dengan memperkenalkan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini sebagaimana yang telah diterangkan adalah bertujuan mengadakan perbekalan untuk didaftarkan semua pertubuhan seni mempertahankan diri.

Dalam bahagian 1 Fasal 2 Rang Undang-undang ini telah melibatkan bentuk Seni Mempertahankan Diri. Dalam Jadual Kedua Rang Undang-undang yang sama di bawah item 7, nama Seni Mempertahankan Diri bagi orang-orang India telah ditentukan sebagai Silambram. Ejaannya SILAMBRAM tetapi yang sebenarnya ia dikenali sebagai Silambam. Ejaannya SILAMBAM. Kita tidak ada Silambram tetapi SILAMBAM. Saya cadangkan nama itu hendaklah dieja betul-betul, kalau tidak nama Seni Silambam orang-orang India yang sebenar akan menjadi tidak sah akhirnya ia menjadi satu cara baharu Seni Mempertahankan Diri.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini memberi kesan kepada Pendaftar Pertubuhan mendaftarkan pertubuhan-pertubuhan Seni Mempertahankan Diri. Saya rasa ini adalah satu langkah yang baik supaya dapat mengelakkan kekusutan perbelanjaan maksima ke arah penubuhan satu badan baharu untuk didaftarkan.

Fasal 4 adalah untuk menubuhkan Majlis Penyeliaan Seni Mempertahankan Diri. Saya bersetuju dengan penubuhan Majlis tersebut, kerana ia akan dapat memberikan persamaan dan sumbangannya ke arah penubuhan semua badan penyeliaan Seni Mempertahankan Diri. Saya minta Kerajaan dapat menimbangkan bersungguh-sungguh untuk melantik orang-orang yang mempunyai pengetahuan yang baik di dalam usaha menaja Seni ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 12 adalah ke arah penubuhan badan-badan pengawal kebangsaan bagi tiap-tiap bentuk Seni Mempertahankan Diri. Ini adalah baik kerana badan-badan yang wujud akan dapat diiktiraf. Sekiranya lebih dari satu badan, sukacita kiranya kalau Kerajaan dapat menimbangkan penyatuan mereka dari membiarkan mereka membuat penyatuan itu; ini

akan dapat mengelakkan berlakunya sebarang pengaruh dan perselisihan peribadi. Fungsi badan pengawal ini adalah untuk mengadakan pertunjukkan untuk memastikan kenyataan ke arah kemajuan kordinasi kegiatan-kegiatan yang mana usaha-usaha seumpama ini amatlah dikehendaki. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa adalah perlu bagi Kerajaan memberikan bantuan kewangan kepada badan-badan itu untuk kemajuan Seni Mempertahankan Diri yang dikehendaki.

Fasal 13 mensyaratkan keperluan pendaftaran. Di sini suka saya meminta Kerajaan supaya dengan seberapa yang dapat membantu dan menolong pertubuhan yang telah ada sekarang di dalam perkara pendaftaran yang dimaksudkan itu tanpa menimbulkan banyak kesulitan. Sebagai yang telah saya ketahui sebilangan besar kampung-kampung ada mempunyai kumpulan-kumpulan kecil pelajar yang telah diwujudkan pada masa ini. Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa kebudayaan Seni Silat Melayu lama masih lagi dipertahankan dan diperkembangkan oleh orang-orang Melayu di luar bandar. Bilangan minima ahli-ahlinya kadang-kadang susah untuk dipastikan bagi kampung-kampung kecil yang mempunyai penduduk-penduduk yang tiada ramai dan adalah menjadi kesulitan bagi mereka pergi dari satu kampung ke kampung yang lain untuk mempelajari Seni Mempertahankan Diri itu disebabkan kekurangan alat perhubungan. Kerajaan hendaklah bertimbang rasa dan bersifat liberal mengenai perkara keahlian ini. Begitu juga Seni Mempertahankan Diri Silambam orang-orang India. Alat perhubungan yang sesuai hendaklah diadakan untuk tujuan Rang Undang-undang ini yang akan membolehkan mereka membuat pendaftaran.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi cara Seni Mempertahankan Diri orang-orang India yang diberi nama "Kalaripayatru, ejaannya KALARIPAYATRU yang diajarkan di sebahagian tempat-tempat di Kuala Lumpur. Seni Mempertahankan Diri ini amatlah masyor di dalam Negeri Kerala di India Selatan. Sejak beberapa jenerasi seni ini diajarkan di India di tempat-tempat yang lain di Kuala Lumpur yang mempunyai penduduk-penduduk orang India. Saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menimbangkan untuk dimasukkan cara Seni Mempertahankan Diri ini ke dalam Jadual Pertama, Fasal 7.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 18 berkehendakkan dua orang atau lebih ahli-ahlinya untuk diberikan lesen kepada mereka sebagai ahli-ahli Seni Mempertahankan Diri sebelum mereka berkumpul untuk mempelajari Seni Mempertahankan Diri itu.

Fasal 18 (5) mengenakan hukuman kepada mereka yang gagal mematuhi. Tuan Yang di-Pertua, di dalam negara kita di seluruh kawasan luar bandar iaitu di kampung-kampung kita hendaklah memberikan keadaannya di mana penduduk-penduduk masih berlatih bila mengajar Seni Mempertahankan Diri, seumpamanya, silat di dalam kumpulan-kumpulan kecil. Sekiranya orang-orang itu dikehendaki mendaftar sebagai yang ditentukan di bawah pendaftaran Akta Pertubuhan Tahun 1966, kalau saya tidak silap di dalam Akta Pertubuhan 1966 ia berkehendakkan sedikit-tidaknya mempunyai ahli-ahli seramai 25 orang. Tuan Yang di-Pertua, mungkinkah perkara ini dapat dipatuhi di dalam kampung-kampung kecil di mana terdapat sebilangan kecil rumah-rumah yang mempunyai penghuni-penghuni lebih kurang 25 orang. Selepas menguatkuasakan Akta ini, saya percaya ianya akan menjejaskan kedudukan kuasa baik pelindung-pelindung kebudayaan lama, kebudayaan silam.

5.18 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya turut mengalu-alukan dan menyokong Akta Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri, 1975 kerana Seni Mempertahankan Diri ini pada masa sekarang telah banyak disalahgunakan oleh beberapa orang yang tidak bertanggungjawab. Walhal Seni mempertahankan Diri adalah satu seni atau kebudayaan yang dipusakai oleh datuk-nenek-moyang kita dahulu hingga sampai ke masa kita walaupun seni kebudayaan daripada kaum China, kaum India—Silambam seperti apa yang dikatakan tadi dan juga hingga sampai kepada orang kita Melayu, silat, orang Jepun, orang Korea dan sebagainya. Dengan sebab kesenian itu adalah pusaka datuk-nenek-moyang kita, maka memanglah menjadi tanggungjawab kita mengawalnya supaya tujuan-tujuan asal seni mempertahankan diri itu dapat dikawal dan dilindungi supaya jangan peraturan-peraturan ini dan pantang-larangnya disalahgunakan. Kalau

perkara ini berlaku maka ini bermakna memperkecil-kecilkan pusaka datuk-nenek-moyang kita.

Baharu-baharu ini sebagaimana kita semua ketahui suatu kejadian telahpun berlaku di mana di dalam tembak-menembak itu seorang penjahat telah terbunuh dan apabila ditinjau latar-belakangnya didapati bahawa beliau adalah seorang pakar ataupun seorang ahli kumpulan seni mempertahankan diri. Jadi, kalau seorang penjahat dapat memasuki kumpulan seni mempertahankan diri ini dan menyalahgunakan ilmu yang dituntutnya untuk tujuan mengugut dan menyamun orang, memang sudah sampailah masanya pihak Kerajaan menjaga pergerakan ataupun aktiviti-aktiviti seni mempertahankan diri ini. Jika dibenarkan terus-menerus berjalan tetapi hendaklah dijalankan dan dijaga oleh orang-orang yang betul-betul mempunyai semangat dan sayang kepada pesaka datuk-nenek-moyang mereka. Di samping pihak yang berkuasa mengawal aktiviti seni mempertahankan diri ini, saya berharap jangan-lah dikawal sebegitu rapi dan ketat hinggak hendak membuat apa-apapun tidak boleh, kerana dengan ini sebagaimana Yang Berhormat rakan saya dari Sungai Siput menyatakan tadi akan lumpuh pergerakan-pergerakan seni mempertahankan diri di kampung-kampung dan sebagainya.

Kita sedar bahawa seni mempertahankan diri ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu seni yang sangat-sangat berguna, bukan sahaja untuk mempertahankan diri kita, tetapi juga sebagai satu senaman kepada badan kita terutama yang tua senentiasa kelihatan muda dan jernih mukanya akibat gerak-geri yang dipelajari di dalam seni mempertahankan diri itu, hinggak kerana menyedari tentang faedah seni ini, anggota-anggota Polis dan Tentera kita sekarang pun sudah menjadi murid-murid seni mempertahankan diri. Di samping itu, saya memuji dan mengalu-alukan Akta Seni Mempertahankan Diri seperti yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan, saya mengambil kesempatan membawa beberapa perkara yang diharap dapat diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Pertamanya ialah Fasal 4 (1) berkenaan Penubuhan Majlis Penyeliaan Seni Mempertahankan diri—Fasal 4 (1) (c) mengatakan: tidak kurang daripada lapan orang tetapi tidak lebih daripada lima belas orang yang

dipilih daripada orang-orang yang dicalunkan oleh berbagai-bagai badan yang berkenaan dengan seni.

Di samping itu, di dalam Fasal 4 (2) (d) mengatakan, "tidak kurang daripada lima orang tetapi tidak lebih daripada lapan orang" Dan Fasal 8 (4) mengatakan: "Jika mengenai apa-apa soalan yang hendak diputuskan oleh Majlis undi-undi adalah terbahagi sama banyak"

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah perwakilan daripada pihak-pihak yang mewakili badan-badan seni ini lebih daripada wakil yang dicalunkan oleh Menteri, maka sudah tentu di dalam hendak memutuskan satu-satu dasar pihak yang lebih ramai akan mengalahkan pihak yang dicalunkan oleh Kerajaan. Boleh jadi perkara-perkara yang mustahak tidak akan dapat dijalankan, sebagaimana yang dicita-citakan oleh pihak Kerajaan. Ini haruslah diambil perhatian.

Yang Kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Fasal 18 (1) mengatakan: "Tiada mana-mana dua orang atau lebih boleh berkumpul"

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tinggal disebuah kampung, saya menjadi seorang murid seni misalnya, saya hendak berlatih sesudah pergi ke tempat latihan itu balik ke rumah hendak berlatih. Betapakah saya boleh berlatih melompat, bersilat dan melangkah? Kalau boxing boleh juga buat shadow boxing. Tetapi kalau seorang itu hendak bersilat, bertaekwan-do dan sebagainya tentu tidak boleh. Tentu kita hendak berdua. Boleh jadi saya suruh isteri saya (*Ketawa*) sama-sama menuntut, dan apabila balik ke rumah, saya bertaekwan-do atau berkerate dengan dia. Ini menjadi kesalahan mengikut Fasal 18 (1) dan dendanya sebagaimana tersebut dalam Fasal 18 (1) (5) ialah \$5,000. Kementerian hendaklah memikirkan bahawa denda ini sangatlah tinggi. Kalau orang main judi, mahjong dan sebagainya tidak begitu tinggi dendanya. Saya bersilat dengan isteri saya dendanya sampai \$5,000. Jadi, hal itu haraplah diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kawalan seperti yang tersebut dalam Jadual Kedua. Dalam Jadual Kedua ada dinyatakan bahawa orang-orang berikut tidak boleh menjadi ahli mana-mana satu badan kesenian mempertahankan diri dan adalah disenaraikan di (a), (b), (c), dan (d). Kalau begitu, Tuan Yang

di-Pertua, saya fikir tidaklah payah diketatkan dan disyaratkan pula berkenaan dengan Fasal 18 (1) itu, kerana orang-orang yang akan masuk menjadi ahli-ahli badan seni adalah orang-orang yang terkecuali dari senarai orang jahat dan orang yang didapati melakukan beberapa kesalahan. Jadi, bermakna orang yang baik-baik belaka, dan sudah tentu orang-orang ini bertanggungjawab dan tidak akan menyalahgunakan gelanggang ataupun ilmu kesenian ini untuk perkara-perkara yang tidak disukai oleh masyarakat kita.

Setakat itulah sahaja pandangan saya dengan harapan agar dapat menjadi panduan kepada Kementerian yang berkenaan untuk menjalankan peraturan-peraturan yang ada di dalam Akta yang dibentangkan itu.

5.32 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan saya berasa syukur dengan adanya Rang Undang-undang ini akan bertambah baik lagi badan-badan seni yang masih ada di dalam negara kita pada hari ini.

Sebagaimana yang dikatakan oleh saudara saya dari Sungai Siput tadi banyak pertumbuhan-pertumbuhan seni atau badan-badan seni yang terdiri dari segenap bangsa, sama ada daripada bangsa keturunan India, China dan lain-lain. Banyak jenis-jenis nama setakat yang saya tahu seperti silat gayung, judo dan sebagainya, tetapi saya hendak menarik perhatian iaitu saya berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini akan menambahkan satu seni yang sangat dipopularkan oleh keturunan kita, khasnya orang Melayu di masa yang silam iaitu seni silat seperti yang dikatakan oleh saudara saya tadi. Kita sama-sama tahu silat adalah satu seni mempertahankan diri yang telah diagung-agungkan oleh bangsa kita, khasnya di zaman Hang Tuah bertikam dengan Hang Jebat dahulu dan berbagai-bagai lagi. Kalau kita tengok dalam gambar-gambar Melayu kerap kali kita dapati seni silat atau permainan silat ini sangat popular ditunjukkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih teringat lagi di masa saya kanak-kanak dahulu, iaitu semasa saya bersekolah Melayu, saya masih ingat dan yakin ada di antara kawan-kawan

yang sama bersekolah dengan saya dan sehingga dewasa pun saya masih ingat, apabila datang sahaja Kerajaan Jepun selain daripada membelasah perkara yang difikir tidak betul, maka saya dapati salah satu perkara yang dibuat ialah tiap-tiap sekolah diadakan permainan seni silat dan boleh dikatakan di kampung pun diadakan permainan seni silat. Jadi bila saya tinjau seni silat yang dimainkan khasnya oleh orang Melayu ianya ialah satu seni, selain daripada untuk mempertahankan diri, menjadi satu tarian yang sangat cantik dan boleh meraikan majlis-majlis perkahwinan dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menahan seni-seni yang lain, tetapi saya suka menekankan seni silat adalah satu seni yang teragung bagi orang Melayu dan patut Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil perhatian yang berat dan mengambil daya-usaha yang sungguh-sungguh supaya mengembangkan seni ini supaya berkembang biak dari masa yang lepas, kerana saya dapati hari ini Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengadakan pertandingan-pertandingan drama, hadrah dan sebagainya begitu juga dalam sukan-sukan yang lain. Saya berpendapat cara seni mempertahankan diri ini juga patut diadakan pertandingan. Kalau saya mengatakan begitu seolah-olah kita menggalakkan orang bergaduh, tetapi ini adalah adat di dalam zaman sukan yang penuh dengan semangat kesukanan dan patutlah kita cari pengadil yang khas, walaupun kita bergaduh, bertumbuk dan sebagainya selepas itu kita akan memberi markah yang baik kerana telah menjadi kelaziman kepada manusia satu-satu perkara yang akan dibuat oleh manusia itu mestilah ada dengan sebab, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Selangor kalau tidak silap saya tadi. Beliau telah memperkatakan ada orang yang belajar seni mempertahankan diri tetapi bukan seni silat, tetapi ialah seni yang lain dan malangnya orang yang berkenaan telah ditembak dan ia telah didapati adalah seorang yang belajar seni mempertahankan diri. Sebagaimana yang saya katakan tadi kadang-kadang seseorang apabila dia membuat sesuatu dia mempunyai target ataupun tujuan seperti juga kita hendak berniaga dan sebagainya tentu ada tujuan. Begitu juga kalau hendak belajar seni silat gayung, judo dan sebagainya sudah tentu ada satu-satu matlamat apa sebab yang dia belajar, boleh jadi juga kerana ia akan

mempertahankan diri dan setengahnya pula kerana memikirkan ini satu permainan popular kalau ia belajar ia dapat dipopularkan oleh orang ramai. Selain daripada dapat mempertahankan diri ada banyak lagi sebab-sebab yang membawakan seseorang itu mengambil bahagian dalam satu-satu bahagian.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Kementerian yang berkenaan khasnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam undang-undang ini akan mengadakan satu jawatankuasa atau Majlis Penyelia yang terdiri daripada 15 hingga 25 orang. Saya berpendapat kerana kita sebagai pemerintah yang berperingkat-peringkat, ada peringkat pusat dan ada peringkat negeri, maka jawatankuasa yang berkenaan janganlah semata-mata ditubuhkan di peringkat pusat sahaja, bahkan hendaklah juga ditubuhkan di peringkat negeri mengikut keadaan yang bersesuaian. Saya juga berharap kepada jawatankuasa yang berkenaan janganlah semata-mata untuk membuat penyeliaan, tetapi hendaklah jawatankuasa itu mengambil daya-usaha yang utama untuk memajukan seni-seni yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu di zaman sains dan teknologi ini ada orang yang mengatakan kadang-kadang seolah-olah kita ini bodoh, kerana hendak belajar semula seni mempertahankan diri dengan memakai kayu dan tangan, tetapi ada orang yang bermain dengan memakai pistol .38 berlatih di sana-sini. Walau bagaimanapun, sudah menjadi adat, kalau sedikit kita keluar belanja maka sedikitlah untungnya dan kalau banyak kita keluar modal maka banyaklah kita mendapat untung. Seni mempertahankan diri ini kalau kita fikir modalnya tidak begitu banyak cuma untuk mempelajari daripada guru-guru yang berkenaan dan menggunakan alat-alat yang sedia ada pada kita, iaitu tangan, kaki dan sebagainya. Kalau lain daripada silat kalau saya tidak silap hendaklah menggunakan kayu dan lain-lain, tetapi kalau silat Melayu ianya hanya menggunakan tangan asli yang dianugerahkan oleh Tuhan, tetapi kalau pelajaran ini ada pada kita di masa-masa kecemasan sangat berguna. Saya tidak mahu memperkatakan sebab di dalam Dewan ini kesemuanya orang baik-baik tentu tidak bergaduh, kalau bergaduhpun hanya setakat terlepas cakap, selepas itu sabar dan senyum balik, kerana ini adalah adat di dalam mesyuarat, tetapi kalau di luar Dewan

sekiranya orang yang tidak tahan sabar dan jikalau dia ada mempunyai seni mempertahankan diri, kadang-kadang dia dapat mempertahankan dirinya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya membaca sedikit cerita Hang Tuah yang mana saya telah baca pada masa yang lalu, ceritanya tidak berapa tepat, kalau pada zaman yang akhir-akhir ini saya biasa tengok di negeri kita sendiri cerita yang sebenar iaitu ada dua orang hamba Allah yang sabar, tetapi dia ini pandai bersilat. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, membaca

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jangan membaca seluruh hikayat itu sudahlah.

Tuan Shaari bin Jusoh: Bukan hikayat tetapi ialah cerita yang bersangkutan dengan seni mempertahankan diri iaitu silat. Seorang hamba Allah yang pandai dalam seni mempertahankan diri (Silat Melayu) telah datang ke satu tempat untuk mencari rezki dengan menjual buah-buahan. Malangnya, ia diserang oleh 3-4 orang yang hendak berbuat khianat kepada orang yang berkenaan. Dengan tidak disangka-sangka hamba Allah yang datang berniaga dengan tujuan baik itu adalah anak kepada guru silat, yang mana saya masih ingat ianya menjadi guru silat di masa zaman pemerintahan Jepun dahulu, rupa-rupanya bakat tersebut telah diperturunkan kepada anaknya, dan dengan ini beliau dapat mempertahankan diri daripada tiga orang yang membuat kacau, ini adalah satu keuntungan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga seorang guru silat yang di masa dahulu sangat popular. Di dalam masa 3-4 tahun yang lepas saya dapat tahu seseorang daripada keluarganya berlaku sedikit perselisihan berkenaan dengan tanah, maka orang yang berkenaan tidak sabar untuk memukul guru silat itu atau lebih tepat lagi saya bercakap seperti kata orang di Perlis, menetak dengan parang dengan cara pukul curi, tetapi ternampak sekali imbas, orang itu hendak membuat kacau kepadanya, dengan kehendak Tuhan dan apa yang ada pada guru silat tadi iaitu seni silat, dapat menghalang perbuatan itu supaya tidak kena pada badannya. Ini contoh-contoh yang saya dapat tahu sendiri dan ini ialah perkara baik. Jadi, dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat suka kepada Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan selain daripada seni-seni lain yang

saya sendiri tidak tahu, yang saya tahu silat kerana ini selalu saya nampak dalam majlis perkahwinan dan selalu saya ingin mengetahui semasa saya kecil dahulu, semasa saya masih bersekolah dahulu yang dibuat oleh Jepun patutlah kita mengambil contoh dan tauladan. Manusia ini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya suka menegaskan kalau tidak ada satu-satu sebab yang menasabah seseorang itu tidak akan tertarik kepada satu-satu benda dan satu-satu perkara, melainkan dengan satu-satu sebab seperti kita tengok pada hari ini hadrah, tarian itu dan ini ada sebab-sebabnya, kerana ada pertandingan dan kerana ada mendapat upah dan sebagainya. Jadi kalau silat ini disusun dengan betul dan panggil guru-guru yang berkenaan dan diberi elaun yang berpatutan sebagaimana pada hari ini diberi elaun kepada kursus-kursus sepak takraw, bolasepak dan sebagainya akan menambahkan kebaikan, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sokong sangat sebagaimana saudara saya dari Kuala Selangor tadi berkata tentang denda ini terlampau tinggi, terlampau banyak sangat sampai \$5,000 ataupun kedua-duanya sekali. Jadi orang kampung kita ini kalau mereka dengar gaya untuk hendak membuat kumpulan kena denda, mereka harus tidak berani buat langsung. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tentang perkara denda itu kita patut denda kerana saya percaya itu tujuan Kementerian mengadakan Rang Undang-undang ini dan membuat syarat-syarat. Yang kena denda ialah orang-orang yang akan membuat satu-satu perkara yang tidak baik atau yang akan merosakkan negara, tetapi kalau orang-orang itu akan mendatangkan kebaikan, kemajuan, mengamalkan kampung atau memajukan masyarakat dengan cara temasya, cara yang baik, saya yakin pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ataupun pihak Pendaftar tidak akan mengambil tindakan segera, melainkan selepas dinasihati ataupun selepas ditunjukkan jalan, tetapi kalau pihak Pendaftar tidak menunjukkan jalan dahulu terutamanya kepada orang-orang kampung khususnya orang-orang luar bandar, saya takut perkara ini akan mendatangkan aniaya. Dengan sebab itu, saya minta kepada pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ataupun kepada pihak Pendaftar yang akan mendaftarkan perkara ini patutlah dinasihatkan dahulu sebelum mengambil satu-satu tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju di sini kalau tidak silap saya dibolehkan Timbalan Pengarah ataupun Penolong Pengarah. Saya amat dukacita hari ini kadang-kadang kita tengok dalam pentadbiran kita dari segi-segi lain semua dibebankan kepada ketua sahaja. Kalau tidak ada ketua apa buat pun tidak jadi, Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah tidak mahu. Jadi saya berpendapat dari segi-segi lain pun kalau Ketua atau Timbalan itu tidak ada, Penolong patut boleh buat asalkan satu jawatan yang berkenaan. Bukanlah dari segi mendaftar badan seni sahaja, Tuan Yang di-Pertua, bahkan dari segi lain-lain juga. Kadang-kadang banyak orang kita datang berjumpa ke pejabat baik dari segi manapun, katanya, ketua tidak ada, datang esok, kuasa pada orang lain tidak ada. Kadang-kadang kerja-kerja lain yang saya dapat tahu, baik di Perlis atau di mana-mana pun ada perkara-perkara yang boleh dibuat oleh pejabat yang kecil, setengahnya itu terpaksa hendak dihantar ke Kuala Lumpur dan sebagainya yang memakan masa berbulan-bulan. Jadi saya berharap sebagai contoh yang akan dibuat oleh Rang Undang-undang yang dibuat oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menjadi contoh kepada perkara-perkara lain untuk menyegerakan dari segi pentadbiran dan menjalankan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya Rang Undang-undang ini selain daripada menjadi seni mempertahankan diri, akan mencari beberapa badan seni lagi ataupun seni-seni yang menjadi kebaikan, mengadakan temasya dan yang menjadi seni untuk menjadi pergaulan kepada masyarakat. Sebagaimana kata saya tadi saya suka sangat pada seni silat, selain daripada mempertahankan diri, ditunjukkan dalam temasya dan boleh digunakan kepada perkara yang baik dengan supan-santun dan sebagainya. Saya harap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mencari lagi di mana ada seni-seni yang menjadi faedah kepada seni mempertahankan diri dipopularkan dan kalau boleh seni itu dipopularkan kepada seluruh negara. Sekian, terima kasih.

5.45 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyokong Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri, 1975. Memandang betapa mustahaknya anak-anak

muda kita diberi latihan dan pengajaran untuk mempertahankan diri mereka baik lelaki atau wanita bahkan kanak-kanak dibangku sekolah juga patut diberi latihan seni mempertahankan diri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita renung kebelakang, seni ini bukan baru bahkan orang-orang tua di beberapa abad, nenek moyang kita di zaman panglima-panglima dan hulubalang-hulubalang Melaka dahulu telah mengadakan beberapa jenis silat. Pada masa itu, tidak ada senjati, tidak ada bom atau barang-barang letupan, hanya keris, lembing, tombak sahaja mereka dapat menewas musuh-musuh yang hendak mengancam negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini seni silat telah diadakan di merata-rata kampung seperti Seni Silat Gayung, Silat Mat Kilau, Silat Lincah dan beberapa jenis silat lagi. Bagi pendapat saya eloklah diselaraskan dan dijadikan satu seni silat kebangsaan untuk kemajuan gaya seni mempertahankan diri. Saya suka menyentuh Fasal 9, 10, 19 dan 20.

Fasal 9 bertujuan untuk membenarkan Majlis Mengundang orang-orang yang bukan ahli untuk menasihatkannya. Tuan Yang di-Pertua, kadang kala anak-anak muda kita tidak suka orang yang bukan ahli menegur atau menasihatkan mereka, tetapi ada baiknya Majlis Mengundang orang yang bukan ahli untuk memberi nasihat kerana orang-orang lama ada banyak modal dan pengalaman, bukan modal wang, Tuan Yang di-Pertua, tetapi buah fikiran.

Fasal 10 pula kadang-kadang anak-anak muda asyik bersilat, melompat, bertepok sorak, lupa menyimpan minit-minit mesyuarat. Ini bagi pihak Majlis patutlah memberi arahan supaya tiap-tiap minit mesyuarat mestilah disimpan dengan betul, baik mesyuaratnya atau kewangan, kalau ada kewangan. Ini adalah baik bukan untuk Majlis sahaja tetapi untuk ahli-ahli sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 19 bertujuan untuk menyekat kegunaan senjata dalam seni mempertahankan diri setakat yang dinyatakan di dalam pendaftaran atau dibenarkan secara bertulis. Sebagai seorang ibu saya rasa bimbang apabila melihat pemuda-pemudi menggunakan senjata seperti keris atau parang di dalam seni silat mempertahankan diri, tetapi sebaliknya kalau kita tidak benarkan mereka menggunakannya tentulah tidak boleh

dan tidak akan makna. Jadi kita hendak mempertahankan diri tentulah menggunakan apa sahaja jenis senjata. Jadi patutlah diawasi di pihak Pendaftar asalkan yang berputatan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 20 pula iaitu untuk memberi kuasa kepada Menteri melarang apa-apa amalan gaya seni silat ada beberapa amalan-amalan yang diajar kepada ahli-ahlinya. Di dalam perkara ini saya harap guru-guru seni silat ini mustahak memberitahu kepada ahli-ahlinya apa dia pantang larangnya, kerana banyak pemuda-pemuda yang menyalahgunakan amalan-amalan ini sehingga menjadi *isem*, sehingga mereka terlalu beramal ayat-ayat atau entah macam manakah mereka ini kita nampak seperti orang hilang akal dan kadang-kadang menjadi orang minyak yang menakutkan gadis-gadis terutama pelajar-pelajar di asrama-asrama. Jadi kalau cara ini hilanglah seni mempertahankan diri tetapi jadi porak-peranda di belakang hari. Oleh itu saya memang mencintakan seni, walau apa jenis seni sekalipun. Ini saya harap patutlah kita awasi kepada jurulatih-jurulatih atau tok-tok guru seni silat ini supaya mereka akan memberi amalan atau latihan-latihan yang dijalankan itu patut dengan secara memberitahu kepada ahli-ahli itu terlebih dahulu dan saya ingat kalau dengan penuh minat dan diajar dengan baik insya Allah dapat kebahagiaan.

5.51 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan di sini kita sedar bahawa masa sekarang iaitu masa yang sesuai untuk mengemukakan Rang Undang-undang ini kerana pada masa sekarang negara kita menghadapi masalah keselamatan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan atas pandangannya yang jauh dan saya yakin apabila Akta ini telah digazettekan akan mengawal kegiatan pertubuhan tersebut untuk faedah rakyat dan negara kita. Orang ramai mempraktikkan kesenian yang tersebut untuk sebab-sebab kesihatan pada waktu-waktu terluang (leisure hours). Kita juga tahu beberapa orang daripada Menteri kita pun ada yang pakar dalam beberapa kesenian ini. Saya percaya

mereka berlatih dalam kesenian ini bukanlah dengan tujuan untuk mempertahankan diri sahaja sebab mereka telah sedia mempunyai bodyguard yang kuat, tetapi saya percaya untuk menjaga kesihatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap pagi sebelum mereka pergi ke pejabat mereka menghayunkan tangan-tangan dan kaki-kakinya supaya dapat darah mengedarkan dengan lebih senang dan untuk menyegarkan fikiran mereka.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu senaman radiokah Yang Berhormat?

Dr Hee Tien Lai: Ya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu sudah setahun lebih.

Dr Hee Tien Lai: Yang Berhormat, saya telah

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tidak mengapa. Terus kan.

Dr Hee Tien Lai: Ini menunjukkan kesukaan ramai (popularity) kesenian ini bagi orang-orang muda dan tua dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun kita mengaku bahawa beberapa orang sahaja (very few) berlatih dalam kesenian itu untuk tujuan jenayah (for the purpose of crime) dan kita tahu pelatih-pelatih yang berkenaan hendaklah bersumpah kepada master (tuannya) berjanji supaya tidak menggunakan kesenian ini untuk melibatkan dalam kegiatan-kegiatan jenayah. Tetapi ini kita percaya tidak cukup untuk menyelamatkan bahawa kesenian ini tidak menyebabkan bahaya kepada orang lain. Dari segi kedudukan keselamatan yang dihadapi oleh negara kita sekarang Akta ini telah menjadi perlu dan penting. Walau bagaimanapun, saya berharap Akta ini tidak akan menghadkan dan menghindarkan pertubuhan yang hendak ditubuhkan kerana saya merasa pertubuhan-pertubuhan kesenian ini boleh menyumbang kepada negara kita seperti:

- (1) Untuk disiplin kepada pemuda-pemudi di bawah latihan yang keras yang diberi oleh pertubuhan kesenian;
- (2) Memajukan persefahaman di antara negara kita dan lain-lain, misalnya ping-pong diplomasi yang digunakan oleh negara China; dan

- (3) Memajukan perpaduan dan muhibbah di antara kaum Melayu, China dan India di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mencadangkan bahawa Kementerian yang berkenaan akan mengambil initiative untuk menggalakkan kaum Melayu mempelajari kesenian mempertahankan diri cara China, dan kaum China sebaliknya mempelajari kesenian masyarakat Melayu, iaitu silat supaya memajukan persefahaman dan tolerance di antara satu kaum rakyat di negara ini.

Saya juga mencadangkan supaya kesenian tersebut dapat diajar kepada murid-murid di sekolah kerana masyarakat ialah salah satu arts (kesenian) yang mudah dan murah untuk dipelajari (cheap and easy to learn).

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang di sini untuk menyentuh sedikit di bawah Fasal 13 (4) "Pendaftar boleh meluluskan atau menolak permohonan-permohonan itu tanpa memberi apa-apa sebab baginya". Saya berharap pendaftar yang berkenaan yang telah diberi kuasa yang kuat seperti ini tidak menyalahgunakan kuasa seperti meluluskan permohonan kepada satu golongan orang, atau organisasi dan tidak memberi pendaftaran kepada lain-lain orang umpamanya kalau tidak, ini akan membunuh kesenian (kill the martial arts) dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit yang saya hendak bertanya iaitu samada seseorang ibubapa yang hendak mengajar anak-anaknya sendiri di dalam rumah samada seorang atau dua orang dengan menjatuhkan di bawah Akta baru ini.

5.58 ptg.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri yang dibentangkan di Dewan ini oleh Kementerian yang berkenaan.

Sebelum saya memberi sokongan, saya suka mengemukakan beberapa soalan kepada Menteri yang berkenaan mengenai Rang Undang-undang ini jika diperhatikan daripada kepala permulaan Rang Undang-undang ini adalah untuk membuat peruntukan bagi

menubuhkan Majlis Penyeliaan Seni Mempertahankan Diri bagi pendaftaran pertubuhan seni mempertahankan diri dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Soalan yang berbangkit daripada pengertian ini apakah maksud atau tujuan ditubuhkan majlis seperti itu jika majlis ini hanya bertugas pada amnya untuk menasihatkan Menteri yang berkenaan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan seni mempertahankan diri dan menasihatkan Menteri apa-apa perkara yang dirujuk kepada majlis oleh Menteri, sebab dalam Seksyen 4 perlukah satu Akta digubalkan untuk mencapai tujuan ini. Tidakkah boleh Menteri atau Kementerian yang berkenaan dengan secara administrative mewujudkan satu majlis secara sukarela yang terdiri daripada orang-orang yang dianggap pakar, handal di dalam sesuatu gaya seni untuk menjadi ahli majlis itu dan keahlian itu dipenuhi dan diisi secara atas jemputan daripada Menteri atau Kementerian yang berkenaan. Dengan secara ini tidakkah perlu wang Kerajaan dan wang rakyat digunakan untuk membiayai ahli majlis itu. Sebagai mana yang didapati di dalam Fasal 7 Akta ini, tetapi sekiranya perlu juga Akta ini diadakan Majlis itu, pada pendapat saya tidak berkuasa untuk mengambil apa-apa tindakan yang positive atau tegas dan tepat di dalam apa-apa perkara yang berkaitan dengan seni mempertahankan diri.

Jika kita perhatikan di dalam Bahagian II dan Bahagian-bahagian lain di dalam Akta ini, Majlis didapati tidak mengambil apa-apa peranan yang penting. Ini lebih nyata dalam Fasal 8 di mana Majlis hendaklah mengadakan mesyuarat di dalam masa sekali dalam masa tiap-tiap enam bulan. Jadi sekiranya majlis ini mengadakan mesyuaratnya dua kali dalam setahun, apakah faedah yang boleh dicapai oleh Majlis ini. Majlis ini terdiri daripada ahli-ahli yang dilantik oleh Menteri sebanyak tidak kurang lima belas orang dan tidak kurang daripada lapan orang Ahli Majlis terdiri daripada orang-orang yang dicalunkan oleh berbagai-bagai badan yang berkenaan dengan seni mempertahankan diri. Jadi pada pendapat saya sekiranya Menteri atau Kementerian berkenaan berkehendakkan nasihat tentang sesuatu perkara yang berkaitan dengan gaya seni lebih baik sahaja beliau atau Kementerian ini meminta nasihat daripada badan pengawal kebangsaan seni yang berkenaan yang lebih mengetahui berkenaan dengan perkara berkaitan dengan gaya seni. Tetapi sebaliknya pula jika kita

bandingkan Majlis dengan Badan Pengawal Kebangsaan Seni yang ditubuhkan di bawah Fasal 1 hingga 12 nyatalah kuasa untuk mengambil apa-apa tindakan berkaitan dengan sesuatu gaya seni mempertahankan diri itu terletak pada badan itu mengikut Fasal 12 Seksyen-kecil 7 iaitu mulai daripada (a), (b), (c), (d), (e) dan (f). Daripada sini kita dapat Badan Pengawasan itu lebih penting dan lebih mustahak daripada Majlis yang ditubuhkan.

Soal yang kedua, saya bersetuju dengan peruntukan pendaftaran satu-satu pertubuhan gaya seni mempertahankan diri seperti dalam Fasal 13. Tetapi bercakap dari segi mempertahankan diri orang-orang Melayu, saya tidak bersetuju semua jenis-jenis silat Melayu itu didaftarkan mengikut kehendak Jadual Pertama perkara 4. Seni silat Melayu bukan seperti seni mempertahankan diri yang dilakukan oleh orang-orang bangsa asing. Daripada zaman Hang Tuah dahulu seni mempertahankan diri itu diajar dan dipelajari oleh sekumpulan kecil sahaja, sedangkan Hang Tuah sendiri hanya belajar bersama-sama dengan 4 orang rakannya sahaja. Lagi pun silat Melayu ini ada berpuluh-puluh jenis gaya seni mempertahankan diri dan gaya seni ini semestinya berlainan antara satu sama lain dan tiap-tiap gaya seni masing-masing ada gurunya sendiri dan tiap silat itu pula pada lazimnya tidak lebih daripada 10 orang penuntut dan lazimnya juga penuntut-penuntut itu adalah anak-anak buah guru-guru itu sendiri. Jadi sekiranya tiap-tiap satu gaya seni itu perlu diwajibkan didaftar, maka kita akan dapati berpuluh-puluh pertubuhan yang mengandungi beberapa orang ahli sahaja yang didaftarkan di ceruk rantau ini akan membawa satu kedudukan anih dan rumit, terutama sekali kepada orang-orang yang ingin mempelajari gaya seni silat jasmani. Silat ini bukannya semua untuk mempertahankan diri, ada silat yang hanya untuk ditunjukkan kerana menyambut hari kebesaran, hari keramaian, menyambut tetamu khas dan lain-lain adat-istiadat.

Mengikut seksyen-kecil 1 dalam Fasal 18 menyatakan: "Tiada mana-mana dua orang atau lebih boleh berkumpul untuk mempelajari apa-apa gaya seni mempertahankan diri melainkan jika mereka adalah pengajar-pengajar yang didaftarkan atau ahli-ahli suatu pertubuhan atau kumpulan orang yang didaftarkan sebagai suatu pertubuhan seni mempertahankan diri".

Pada pendapat saya peruntukan seksyen ini adalah tidak menasabah mengikut Seksyen 18 (1) sekiranya dua orang didapati menjalankan apa-apa gaya latihan jasmani yang berbentuk atau bercorak seperti gaya seni mempertahankan diri. Walaupun di hadapan rumah atau di dalam rumahnya sendiri. Mengikut Akta ini mereka telah melakukan satu kesalahan. Cuba kita ambil sebagai satu contoh lagi seperti ini sekiranya seorang suami itu mahir dan handal dalam gaya seni mempertahankan diri, adakah patut dikehendaki suami itu mendaftarkan sebagai pengajar dan isterinya pula sebagai kumpulan orang-orang yang didaftarkan sebagai satu pertubuhan seni mempertahankan diri sebelum suami mengajar isteri di dalam gaya seni mempertahankan diri, atau dalam lain perkataan, apakah salahnya seorang suami itu mengajar isterinya tanpa mendaftarkan diri masing-masing.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Suami takut mengajar isterinya pandai bersilat!

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Sekiranya perlu juga diadakan peruntukan yang terkandung di dalam Fasal 18 (1) saya syorkan jumlah dua orang digantikan kepada lima orang supaya selaras dengan undang-undang bertulis yang menjadikan kumpulan itu sebagai kumpulan haram. Saya suka mencadangkan bahawa perkara 4 dalam Jadual Pertama itu berkenaan dengan seni mempertahankan diri orang Melayu dipinda dan gantikan daripada semua jenis silat kepada sekurang-kurangnya 4 atau 5 jenis gaya seni silat mempertahankan diri yang terbesar dan handal untuk dijadualkan dalam Akta ini.

6.07 ptg.

Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya lambat diberi peluang, modal saya sudah habis dicakapkan oleh Ahli-ahli lain (*Ketawa*). Walaupun begitu, saya mohon izin mengambil peluang di sini menyokong Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri, 1975 ini kerana ianya mempunyai tujuan yang baik untuk menyelaraskan segala kegiatan pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri mengikut lunas-lunas dan cara-cara yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pendapat saya seni mempertahankan diri ini patut benar diberi galakan dan disuburkan di dalam negara kita ini kerana ianya boleh mengekalkan seni mempertahankan diri sebagai satu cabang seni yang kita pusakai dari datuk-nenek masing-masing, yang dipusakai oleh tiap-tiap bangsa dan kaum yang ada di dalam negara ini.

Di dalam menggalakkan seni mempertahankan diri ini juga dapat memberi tujuan memupuk semangat kerjasama dan mufakat di antara anggota-anggota di dalam satu-satu kumpulan itu. Selain dari itu juga, seni ini adalah merupakan satu cara exercise untuk kesihatan badan, membentuk badan yang cergas, otak yang cekap, pintar serta keadaan atau watak yang tahan lasak. Kita tidak mahu pada masa hadapan jenerasi kita di dalam negara ini berbentuk bulat-bulat, gemuk-gemuk, kita mahu biarlah anak-anak muda kita jenerasi akan datang merupakan orang-orang yang cergas dan mempunyai bentuk badan yang sempurna. Di samping itu juga saya rasa dalam seni mempertahankan diri ini boleh membentuk disiplin yang baik kepada tiap-tiap orang yang menjadi anggotanya kerana di dalam tiap-tiap jenis seni mempertahankan diri itu walau seni daripada apa kaum sekalipun adalah mempunyai peraturan dan mempunyai disiplin tertentu. Dengan cara ini tiap-tiap anggota yang menganggotai sesuatu pertubuhan itu akan diikat dengan disiplin mengikut seni mempertahankan diri cara masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka lah menimbulkan di dalam Majlis ini beberapa kemungkinan buruk yang akan timbul daripada Rang Undang-undang ini jika ianya tidak dilaksanakan dengan betul, dengan teratur dan dengan cara yang cekap, umpamanya, di dalam menggalakkan seni mempertahankan diri daripada berbagai-bagai kaum yang ada di dalam negara kita ini kalau salah cara diperkembangkan ia mungkin boleh membanggakan jenis seni mempertahankan jeaskan keharmonian kaum di dalam negara kita ini. Sekiranya satu-satu kaum hanya diri kaum masing-masing sahaja dan barangkali ada perasaan berlawanan di antara satu kaum yang lain, maka ini boleh menjejaskan keharmonian kaum yang kita pupuk di dalam negara kita ini. Saya bersetuju dengan saudara saya Ahli Yang Berhormat dari

Ayer Hitam yang bercakap terdahulu daripada ini yang mencadangkan supaya tiap-tiap jenis seni mempertahankan diri ini membuka peluang kepada semua orang dari semua kaum yang ada di dalam negara kita ini. Dengan cara itu barangkali dapat kita memupuk perasaan persefahaman dan keharmonian di antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Kemungkinan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang kalau-kalau Rang Undang-undang ini dipergunakan oleh anasir-anasir jahat untuk menghalalkan kegiatan-kegiatan jenayah di dalam negara kita ini. Umpamanya, di dalam Fasal 19 boleh membenarkan penggunaan senjata di dalam satu-satu pertubuhan seni mempertahankan diri ini. Jika tidak dikawal dengan rapi terutama sekali di bandar-bandar, di tempat-tempat penduduk yang sesak barangkali tempat-tempat ini boleh digunakan sebagai tempat simpanan senjata bagi kumpulan-kumpulan haram. Sungguhpun di dalam Fasal 25 ada membenarkan penggelidahan, pemeriksaan mengejut kepada tempat-tempat simpanan senjata ini tetapi barangkali juga boleh digunakan oleh kumpulan-kumpulan tertentu untuk menyimpan senjata-senjata mereka secara berkumpul yang akan boleh digunakan pada bila-bila masa dengan tujuan jahat atau menjalankan kegiatan-kegiatan jenayah. Maka perkara ini terpaksa pihak Pendaftar, pihak Polis, pihak Kementerian dan Pegawai-pegawai Awam yang ditugaskan meneliti, memeriksa tempat-tempat simpanan senjata-senjata untuk latihan, untuk digunakan di dalam seni mempertahankan diri ini diperiksa dengan cekap dari satu masa ke satu masa.

Satu perkara lagi saya juga merasa bimbang kalau melalui pertubuhan seni mempertahankan diri ini secara halal, secara didaftarkan ianya juga digunakan oleh oleh kumpulan-kumpulan haram bagi memeras ugut penduduk-penduduk di kawasan sekitarnya, terutama sekali di dalam kawasan bandar, umpamanya, barangkali dengan cara memaksa penduduk-penduduk di sekitar kawasan itu menyertai kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan seni mempertahankan diri yang ditubuhkan oleh mereka dengan tujuan-tujuan jahat memaksa penduduk-penduduk di sekitarnya memasuki dengan membayar yuran ataupun memungut derma sebagai wang paksaan. Dengan cara ini saya rasa patutlah juga pihak Kementerian dan pegawai-pegawai yang berkenaan

meneliti dengan betul supaya kumpulan-kumpulan haram tidak mempergunakan pertubuhan-pertubuhan yang didaftarkan secara halal itu bagi mengugut penduduk-penduduk di sekitar kawasan yang ditubuhkan pertubuhan seumpama itu.

Selain daripada itu, ialah masaalah yang akan timbul di kampung-kampung apabila Rang Undang-undang ini berjalan dengan kuatkuasanya kerana kita dapati seni mempertahankan diri ini digunakan juga sekarang ini oleh penduduk-penduduk di kawasan luar bandar, terutama sekali di kampung-kampung Melayu sebagai pertunjukan biasa. Umpamanya, di dalam lawatan-lawatan Yang Berhormat Menteri-menteri, Pegawai-pegawai, pembukaan rasmi sesuatu tempat, satu projek biasanya dipersembahkan dengan Seni Silat Gayung dan sebagainya dan barangkali mereka ini ada 1-2 orang, 3-4 orang yang biasa dijemput untuk menunjukkan pertunjukan Seni Silat Gayung ini tidaklah menjadi anggota satu-satu pertubuhan yang berdaftar. Jika kita memaksa mereka ini menubuhkan pertubuhan dengan berdaftar mengikut peraturan baru Rang Undang-undang ini barangkali akan menyekat kegiatan mereka di dalam lapangan seni tersebut.

Satu perkara lagi yang akan timbul di kampung-kampung saya percaya terutama sekali barangkali wakil-wakil rakyat di luar bandar akan menghadapi masaalah kompleks, sungutan daripada orang-orang kampung yang biasanya daripada sekarang telahpun mengadakan kumpulan-kumpulan yang kecil bagi mengajar Seni Silat Gayung. Apabila mereka ini dipaksa supaya berdaftar mengikut peraturan-peraturan tertentu yang disyaratkan di dalam Rang Undang-undang ini maka mereka memikirkan ini semata-mata hendak menyusahkan mereka. Saya rasa maksud yang saya timbulkan ini dapat difahami dengan jelas oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi masa perlaksanaannya patutlah dijalankan dengan cara yang berhati-hati, tidak dengan cara yang tergopoh-gopoh sehingga kita matikan pula semangat memperkembangkan Seni Silat Gayung di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya suka membuat cadangan menyokong pandangan yang diberi oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam tadi iaitu supaya pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan rundingan dan penyelesaian dengan pihak Kementerian Pelajaran

supaya seni mempertahankan diri ini dapat diperkembangkan di sekolah-sekolah dengan cara yang teratur mengikut jadual-jadual yang tertentu. Umpamanya, sekarang di sekolah-sekolah ada pelajaran senaman dan ini boleh dimasukkan seni mempertahankan diri ini sebagai suatu matapelajaran yang khusus di dalam sekolah-sekolah jika dirundingkan dengan pihak Kementerian Pelajaran dan pelajaran berkait dengan seni mempertahankan diri ini dapatlah disusun dengan betul, dengan teratur mengikut cara-cara yang disesuaikan. Pada pendapat saya kanak-kanak kita pada peringkat sekolah lagi patutlah diasuh dengan semangat, dengan perasaan mengagung-agungkan seni kebudayaan yang ditinggalkan oleh datuk-nenek kita sendiri dan selain daripada itu memperlengkapkan diri mereka dengan seni mempertahankan diri ini untuk tujuan-tujuan sebagaimana yang disebutkan tadi.

6.20 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Haji Abdullah (Baling): Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Rang Undang-undang Pertubuhan Seni Mempertahankan Diri, Tahun 1975, saya turut mengalu-alukan ujudnya satu undang-undang yang kelak akan menimbulkan kembali wajah dan sinar seni budaya bangsa. Seni mempertahankan diri ini merupakan satu cabang budaya yang terjalin rapat dengan watak sesuatu bangsa atau sebuah negara. Saya percaya pada suatu masa yang akan datang kelak yang mungkin akan mengambil masa yang agak sedikit panjang, Malaysia akan dapat mengujudkan satu rupa jenis seni mempertahankan diri sebagai melambangkan kesombongan negara dan bangsa membuktikan suatu identiti kepada dunia. Walau apa pun hujjah-hujjah diperkatakan seni adalah sesuatu yang hidup dan sentiasa akan berubah mengikut masa dan keadaan. Kerana itu Rang Undang-undang yang menjadi perbahasan ini adalah merupakan satu-satu alat yang tepat sekali untuk menghidupkan terus budaya bangsa yang kelak dapat pula memainkan peranan untuk menguatkan perpaduan kaum.

Sebagai seorang Melayu saya tentu dapat bercakap banyak berkenaan dengan silat Melayu. Seluruh kampung dan desa hari ini kedapatan kumpulan-kumpulan silat yang tumbuh laksana cendawan. Ada yang tumbuh hanya untuk semusim sahaja dan ada yang gigih menghadapi hujan dan panas terus berkembang. Yang hidup semusim itu

mungkin tidak dapat mengikuti tekanan perbelanjaan kerana walau apapun kumpulan atau badan orang ramai yang bergerak biar semangat melambong tinggi, kewangan adalah menutupi perbelanjaan hendaklah ujud. Yang gigih dapat hidup terus itu adalah kerana mempunyai struktur pentadbiran yang teratur.

Dengan ujudnya Undang-undang ini kita berharap segala rupa pertubuhan seni silat, umpamanya, Persatuan Seni Silat Gayung Malaysia yang mempunyai keahlian 100,000 orang, Persatuan Silat Lincak Malaysia yang anggotanya mempunyai 20,000 orang, Persatuan Silat Kalimah Malaysia 5,000 serta lain-lain seperti silat cekak, sendeng, teralak, lintau, pulut dan banyak lagi yang tidak kurang banyak ahli-ahlinya yang akan mengambil satu daya usaha untuk menyelaraskan satu rupa identiti yang benar-benar akan melambangkan hak bangsa Malaysia. Kita ingin melihat seni silat adalah benar-benar hanya saja seni mempertahankan diri di negara ini hak kita sendiri. Kementerian harus bergerak untuk tujuan dan matlamat ini dengan bersungguh-sungguh bukan hanya sebagai melepaskan batuk di tangga sahaja.

Adalah wajar sekali suatu majlis rasmi iaitu majlis penyeliaan seni mempertahankan diri ditubuhkan dan Majlis ini pada amnya untuk menasihatkan Menteri mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan seni mempertahankan diri dan juga untuk menasihatkan Menteri mengenai apa-apa jua yang dirujukan kepada Majlis untuk Menteri. Majlis ini mengandungi ahli-ahli yang tentu sekali terdiri daripada mereka yang pakar dan handal dalam seni budaya bangsa. Kita tidak ingin melihat kelak dalam majlis ini ada daripada mereka yang diisikan kerana lain daripada kategori tersebut. Umpamanya, orang-orang yang tidak berminat dalam senibudaya yang hanya untuk hendak menyapu elau dan sebagainya. Satu penelitian yang mendalam harus dibuat oleh Menteri di atas ahli-ahli yang akan dilantik ke dalam Majlis ini dan manakala berjalan kelak Majlis ini, maka akan timbul satu semangat baru di kalangan rakyat Malaysia, khasnya penduduk di luar bandar tentang peri mustahak seni silat diamal dan disemarak oleh tiap-tiap pemuda-pemudi. Sebarang ancaman terhadap negara ini akan bertembong dengan alat mempertahankan diri yang diisi dengan jasmani rakyat murba. Ini tentu dapat meringankan tanggungjawab pertahanan negara dan saya yakin dan teguh percaya bahawa kegilaan

pemuda-pemudi dengan kerana dadah akan sama sekali terhapus demi kesucian yang dapat disemaikan di dalam ajaran-ajaran alat-alat mempertahankan diri yang kelak akan timbul.

Saya turut mengalu-alukan Rang Undang-undang ini dan saya percaya tiap-tiap Ahli dalam Dewan ini akan berbuat demikian.

6.24 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama menyokong Rang Undang-undang Seni Mempertahankan Diri yang dikemukakan di Majlis pada hari ini.

Saya tertarik hati di atas implikasi kewangan apabila Rang Undang-undang ini direstui di dalam Dewan yang mulia ini. Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan tambahan dan amalannya tidak dapat dipastikan sekarang. Saya menitik-berat masaalah implikasi kewangan ialah kerana memandangkan seni mempertahankan diri ini adalah memainkan peranan yang penting di dalam negara kita yang berbilang bangsa. Saya juga berharap Akta Seni Mempertahankan Diri ini hendaklah mengikuti landasan yang bahawasanya seni itu adalah hak milik negara.

Jadi, untuk memperkenalkan seni yang kita tahu seni mempertahankan diri pada hari ini yang telah banyak ada berkembang biak di dalam negara kita, masaalah yang timbul ialah kerana tidak ada pusat. Kita berharap sangat kepada Kementerian yang bertanggungjawab yang mengemukakan Akta ini membuat persediaan, kerana saya sangat tertarik hati Fasal 12 bertujuan untuk menubuhkan suatu Badan Pengawalan Kebangsaan. Untuk menentukan bagaimana hendak mengekalkan Akta ini dapat dilaksanakan dengan sempurna, saya percaya sebuah Pusat yang tertentu mestilah diadakan oleh pihak Kementerian yang berbentuk kompleks seni mempertahankan diri dan kompleks ini saya percaya akan mendatangkan faedah kepada seluruh negara kita kepada rakyat jelata dan juga banyak kegunaannya dalam perkara harian. Sebagai contoh, saya ingat apabila negara kita mula-mula mencapai kemerdekaan, Kerajaan kita membina Stadium Negara dan Stadium Merdeka banyak rungutan-rungutan yang kita dengar yang menuduh Kerajaan

pada ketika itu membuang duit, tetapi pada hari ini saya dapati tempat-tempat seperti itu amat berguna.

Di dalam negara kita ini kita selalu membuat Rang Undang-undang hendak memperkenal atau hendak membuat kawalan tetapi tidak ada mempunyai satu pusat tertentu. Saya menitikberatkan kompleks seni mempertahankan diri ini diadakan atau dibuat oleh pihak Kerajaan segera, kerana kita tahu negara kita berbilang bangsa dan di dalam jadual di sini ada menerangkan bermacam-macam bentuk cara mempertahankan diri. Kalau tiap-tiap satu bangsa itu tidak mengetahui cara-cara hendak mempertahankan diri tentulah menimbulkan syak wasangka (suspicion) kerana seperti kata pepatah Melayu: "Tak kenal maka tak cinta". Untuk mencintai dan menghormati sesuatu cara mempertahankan diri itu, tiap-tiap bangsa itu mestilah mengenali dan mengetahui segala adat resam cara-cara yang sulit-sulit yang sensitif mengenai cara-cara mempertahankan diri, seperti silat-silat yang sedang berkembang biak dalam negara kita pada hari ini. Ada jampinya ada berbagai-bagai amalan-amalan dan ini telah

dipandang daripada segi ugama sangatlah sensitif kalau salah ditegur oleh pihak-pihak yang berkenaan. Ini boleh menimbulkan salah faham dan salah sangka. Tetapi kalau kita mempunyai sebuah kompleks yang mana dapat mengumpul dan memusatkan segala jenis bentuk mempertahankan diri, guru-guru daripada pelusuk negara dapat memahami dan dapat menyampaikan kepada murid-murid dan kepada mereka yang berminat di dalam seni silat mempertahankan diri. Dan inilah saya rasa suatu cara yang amat penting dengan tujuan seperti yang telah diterangkan oleh beberapa orang sahabat saya iaitu tujuan untuk merapatkan lagi silatulah antara satu bangsa dengan bangsa yang lain yang ujud di dalam negara kita ini. Dan saya percaya pihak Kerajaan dengan mengemukakan Rang Undang-undang ini dengan tujuan yang serupa juga.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Perbincangan mengenai Rang Undang-undang ini akan disambung esok. Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.